



**DOKUMEN PENGURUSAN KUALITI SYARIAH PSP
PSP-PK-DS**

DOKUMEN SYARIAH

	DISEDIAKAN OLEH	DILULUSKAN OLEH
JAWATAN	Pengurus Kualiti	Pengarah
TARIKH	14 Nov 2017	16 Nov 2017
KELUARAN	PINDAAN	TARIKH BERKUATKUASA
01	00	17 Nov 2017

	PSP-PK-PS DOKUMEN SYARIAH	Keluaran	01
Tarikh Berkuatkuasa	17 Nov 2017	Pindaan	00

A. KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN			MUKA SURAT
A	Isi Kandungan		1
B	Objektif		2
C	Skop		2
D	Proses di Politeknik Seberang Perai		2-3
E	Titik Kawalan Kritikal Syariah (SCCP)		3
F	Rujukan		3-6
G	Lampiran Titik Kawalan Kritikal Syariah (SCCP) PSP-PK-PS-01 : Penyediaan Belanjawan Tahunan PSP-PK-PS-02 : Kawalan Dokumen PSP-PK-PS-03 : Pengurusan Perolehan Bekalan/Perkhidmatan PSP-PK-PS-04 : Pengendalian Aduan dan Maklumbalas Pelanggan PSP-PK-PS-05 : Pengendalian Audit Dalaman PSP-PK-PS-06 : Perancangan dan Pengurusan Latihan Staf PSP-PK-PS-07 : Pengurusan Penyelenggaraan Infrastruktur dan Peralatan PSP-PK-PS-08 : Pengurusan Penyelenggaraan Komputer dan Perkakasan PSP-PK-PS-09 : Kawalan Ketidakpatuhan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan PSP-PK-PPL-01 : Perancangan Aktiviti PPL PSP-PK-PPL-02 : Penyediaan Jadual Waktu PSP-PK-PPL-03 : Pengurusan Pendaftaran Pelajar PSP-PK-PPL-04 : Pengendalian Pengajaran PSP-PK-PPL-05 : Pengurusan Kokurikulum PSP-PK-PPL-06 : Perlaksanaan Latihan Industri PSP-PK-PPL-07 : Pengurusan Peperiksaan PSP-PK-PPL-08 : Perkhidmatan Pengurusan Psikologi dan Kerjaya PSP-PK-PPL-09 : Pengurusan Disiplin Pelajar PSP-PK-PPL-10 : Penilaian Proses Pengajaran dan Pembelajaran	7-29 7 8 9 11 12 15 17 18 19 20 21 22 23 24 25 26 27 28 29	
H	Lampiran Sumber-sumber SCCP Nilai Teras Rujukan 1 : Berbelanja dengan baik Rujukan 2 : Komunikasi Media Berkesan Rujukan 3 : Ketelusan Rujukan 4 : Pengurusan Aduan Rujukan 5 : Hisbah Rujukan 6 : Menuntut Ilmu Rujukan 7 : Teliti Rujukan 8 : Memberi Hak Kepada Yang Berhak Rujukan 9 : Ketetapan Menentukan Kriteria dan Syarat Rujukan 10 : Amanah Rujukan 11 : Kaunseling Rujukan 12 : Membuat Perancangan	30-83 30 32 33 40 47 50 62 66 69 70 76 79 82	

1.0 OBJEKTIF

Titik Kawalan Kritikal Syariah (SCCP) ini diwujudkan bagi tujuan untuk mengenalpasti semua proses utama dan sokongan Pengurusan Pengajaran dan Latihan di peringkat Diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Elektrik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Perdagangan untuk lulusan SPM atau setaraf dengannya dan lulusan Sijil Politeknik / Kolej Komuniti bagi memenuhi visi dan misi penubuhan politeknik dan kehendak negara adalah memenuhi keperluan Syariah.

2.0 SKOP

SCCP ini digunakan oleh Jawatankuasa Syariah dan semua Bahagian/Unit yang terlibat dengan skop pelaksanaan MS 1900:2014 di Politeknik Seberang Perai (PSP) serta menjadi rujukan kepada Panel Syariah.

3.0 PROSES DI POLITEKNIK SEBERANG PERAI

3.1 Proses Utama

Proses utama yang digariskan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti Politeknik Seberang Perai adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang akan dapat menghasilkan graduan yang cemerlang, kualiti, unggul dan memenuhi keperluan Syariah untuk membangunkan modal insan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak Negara

Pelaksanaan proses utama Sistem Pengurusan Kualiti bermula dengan proses-proses perancangan aktiviti PPL politeknik, pengambilan dan pengurusan pendaftaran pelajar. Ini diikuti oleh pelaksanaan proses Pengurusan Pendidikan dan Latihan serta proses penilaian pelajar sehingga pelajar menamatkan pengajian. Pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Diploma Politeknik KPT akan dianugerahkan diploma seperti disenaraikan dalam objektif di atas.

Aktiviti PPL dirancang semula daripada penyediaan jadual waktu. Pelaksanaan PPL dijalankan oleh pensyarah yang terlatih dalam bidang masing-masing berdasarkan kurikulum program berkenaan dan dirancang melalui penyeliaan

Course Outline. Kemajuan pelaksanaannya dikawal oleh Ketua Jabatan (Akademik), penilaian proses pengajaran dan penilaian peralatan yang dijalankan mengikut takwim dan memenuhi keperluan Syariah.

Semasa mengikuti PPL, pelajar yang bermasalah atau yang memerlukan bantuan diberi bimbingan dan kaunseling. Pelajar yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan akta, peraturan dan Majlis Fatwa Negeri Pulau Pinang yang sedang digunakan.

3.2 Proses Sokongan

Pihak PSP memastikan pengurusan sumber yang berkesan dari segi kewangan, sumber manusia dan infrastuktur melalui proses penyediaan Belanjawan Tahunan. Proses perolehan pula dilakukan mengikut peraturan perbehendaraan.

Pihak PSP akan memastikan bekalan sumber yang mencukupi dipohon dalam bajet tahunan supaya perancangan Sistem Pengurusan Kualiti dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Pemantauan melalui audit dalaman dilaksanakan bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan Syariah. Dapatkan audit dalaman digunakan untuk membaiki kelincinan perjalanan sistem.

4.0 Titik Kawalan Kritikal Syariah (Syariah Critical Control Point – SCCP)

Rujukan Lampiran 1 – Nilai-nilai Syariah SCCP

Rujukan Lampiran 2 – Sumber Rujukan Nilai-nilai Syariah SCCP

5.0 RUJUKAN

Kitab-kitab yang menjadi rujukan utama bagi penyediaan dokumen ini ialah:

5.1 Kitab-kitab yang menjadi rujukan utama bagi penyediaan dokumen ini ialah:

5.1.1 Al-Quran

نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ الْتَّورَةَ

وَالْإِنجِيلَ



Al-'Imraan 3:3

Terjemahan:

"Dia menurunkan Al Kitab (Al Qur'an) kepadamu dengan sebenarnya; membenarkan kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan menurunkan Taurat dan Injil,"

5.1.2 Al-Hadith

عَنْ أَبِي نَجِيْحٍ الْعِرْبَاضِ بْنِ سَارِيَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، وَعَظَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَوْعِظَةً وَجَلَّتْ مِنْهَا الْقُلُوبُ، وَدَرَفَتْ مِنْهَا الْعُيُونُ. فَقُلْنَا: يَارَسُولَ اللَّهِ، كَأَنَّهَا مَوْعِظَةٌ مُوَدَّعٌ فَأَوْصِنَا. قَالَ: أَوْصِيْكُمْ بِتَقْوِيَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَالسَّمْعَ وَالطَّاعَةِ وَإِنْ تَأْمَرُ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ فَإِنَّهُ مَنْ يَعْشُ مِنْكُمْ فَسَيَرِي اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنْتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، عَضُوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِذِ . وَإِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ فَإِنَّ كُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ - رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْتِرْمِذِيُّ، وَقَالَ: حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيْحٌ .

Terjemahan:

Abu Najih, Al 'Irbad bin Sariyah ra. ia berkata : "Rasulullah sallallahu 'alaihi wa-sallam telah memberi peringatan kepada kami sehingga membuat hati kami bergetar dan air mata berlinangan. Kami berkata:

Wahai Rasulullah! Seakan-akan ini wasiat perpisahan maka berwasiatlah kepada kami. Baginda bersabda: Aku wasiatkan kepada kamu agar tetap bertakwa kepada Allah, sentiasa mendengar dan taat walaupun yang memimpin kamu adalah seorang hamba Habsyi. Sesungguhnya sesiapa yang hidup antara kamu selepasku akan melihat ikhtilaf yang banyak, maka hendaklah kamu mengikuti sunnahku dan sunnah Khulafa ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Peganglah ia dan gigitlah dengan gigi geraham. Aku peringatkan kamu tentang benda-benda yang baru kerana setiap yang baru itu bid'ah dan setiap yang bid'ah itu sesat." (HR. Abu Daud dan At Tirmidzi, Hadits Hasan Shahih)

[Abu Dawud no. 4607, Tirmidzi no. 2676]

- 5.2 Ketetapan Panel Syariah SIRIM QAS International
- 5.3 Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, Edisi Kedua (2010), Bank Negara Malaysia
- 5.4 Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Edisi Kedua (2006), Suruhanjaya Sekuriti
- 5.5 MS 1900:2005 – “*Quality Management Systems – Requirements From Islamic Perspectives*”
- 5.6 MS 2300:2009 – “*Value-Based Management Systems – Requirements From An Islamic Perspective*”
- 5.7 MS 1500:2009 – “*Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines (Second Revision)*”
- 5.8 MS 2393:2010 (BM) – “*Prinsip Islam dan Halal - Definisi dan Penjelasan Istilah*”
- 5.9 MS ISO 9001:2008 – “*Quality Management Systems - Requirements*”
- 5.10 MS ISO 9000:2005 – “*Quality Management Systems - Fundamentals and Vocabulary*”

5.11 MS ISO 9004:2009 – “*Managing for the sustained success of an organization – A quality management approach*”

	LAMPIRAN 1 : Titik Kawalan Kritikal Syariah (SCCP)
--	---

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-01
PROSES KERJA	PENYEDIAAN BELANJAWAN TAHUNAN
Definisi	Membuat perancangan pengurusan perbelanjaan tahunan dan menyediakan anggaran peruntukan bagi memenuhi keperluan jabatan
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapatkan cadangan anggaran perbelanjaan dari setiap jabatan dan unit. 2. Keutamaan perbelanjaan bagi memenuhi keperluan pelajaran dan pembelajaran. 3. Menyediakan persekitaran yang kondusif dengan perbelanjaan yang berhemah. 4. Mengutamakan dasar kerajaan dan mengambil langkah jimat cermat bagi membuat hasil yang terbaik.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Berbelanja dengan baik Rujukan 1
Rekod Penilaian	Buku Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM)
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-02
PROSES KERJA	KAWALAN DOKUMEN
Definisi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujud, menyemak, melulus, meminda, mengedar, mengindeks dan menyelenggara dokumen kualiti dalaman dan data kualiti yang digunakan di Politeknik Seberang Perai (PSP). 2. Mengedar, mengindeks dan menyelenggara dokumen sokongan yang digunakan di PSP.
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengurus Kualiti perlu mengarahkan Pegawai Pengurusan Kualiti memuatnaik Manual Kualiti, Prosedur Kerja dan Arahan Kerja ke dalam intranet PSP dan <i>sharing folder</i> bertujuan menyebarluas maklumat terkini dokumen kualiti 2. Pegawai Pengurusan Kualiti mengeluarkan memo berkaitan kepada pemilik proses untuk mendapatkan cadangan pindaan dan memuatnaik Prosedur Kerja dan Arahan Kerja dalam intranet PSP dan <i>sharing folder</i> 3. Pegawai Pengurusan Kualiti perlu Memuatnaik dokumen kualiti ke dalam intranet PSP dan menyediakan satu salinan CD untuk disimpan di Unit Kualiti.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Komunikasi media berkesan Rujukan 2
Rekod Penilaian	PSP Intranet Folder
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-03
PROSES KERJA	PENGURUSAN PEROLEHAN BEKALAN / PERKHIDMATAN
Definisi	Bekalan - Merangkumi bahan luak, alat tulis dan peralatan kecil Perkhidmatan - Meliputi kerja-kerja keselamatan, kebersihan, pembaikan dan penyelenggaraan
Kaedah pelaksanaan	<p><u>Pembelian Melalui Kontrak Pusat</u></p> <p>Pegawai Perolehan Jabatan / Unit majukan permohonan pembelian kepada Penolong Akauntan dengan mengisi Borang Permohonan Memesan Bekalan & Perkhidmatan</p> <p><u>Pembelian Secara Sebutharga</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai Perolehan Jabatan / Unit mengesyorkan pembelian melalui sebutharga kepada Urusetia Sebutharga berpandukan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan semua peraturan Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa ii. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengendalikan urusan pembukaan sebutharga berpandukan Arahan Perbendaharaan dan semua peraturan Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. iii. Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan mengendalikan urusan penilaian teknikal dan kewangan serta mengesyorkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga iv. Jawatankuasa Sebutharga mengendalikan urusan pemilihan pembekal berpandukan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan semua peraturan Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa. v. Urusetia Sebutharga memaklumkan pembekal yang berjaya dan harga yang ditawarkan kepada Pegawai Perolehan Jabatan / Unit untuk menguruskan perolehan. vi. Pegawai Perolehan Jabatan / Unit /Pembantu Tadbir (Stor) mengisi Borang Permohonan Memesan Bekalan & Perkhidmatan beserta jadual pembuka sebutharga dan lampiran keputusan pemilihan seterusnya memajukan kepada Penolong Akauntan

	<p><u>Pembelian Secara Terus</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai Perolehan Jabatan / Unit mengenalpasti dan memilih pembekal yang sesuai dan berkelayakan. Kriteria pemilihan pembekal adalah berdasarkan pekeliling perbendaharaan terkini. ii. Pegawai Perolehan Jabatan / Unit mengisi Borang Permohonan Memesan Bekalan & Perkhidmatan dan majukan kepada Penolong Akauntan.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Ketelusan Rujukan 3
Rekod Penilaian	Fail sebutharga dan tender
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-04
PROSES KERJA	PENGENDALIAN ADUAN DAN MAKLUMBALAS PELANGGAN
Definisi	Aduan - Hal atau perkara yang diadukan Pelanggan - Pelajar berdaftar di Politeknik Seberang Perai
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima aduan daripada pelajar melalui sistem aduan pelanggan di laman web Politeknik Seberang Perai (PSP) dan Borang Aduan Pelanggan 2. Menjalankan siasatan dan melengkapkan Borang Laporan Siasatan 3. Menyalurkan jawapan kepada pengadu berdasarkan Borang Laporan Siasatan 4. Merekodkan semua aduan yang diterima dalam Rekod Aduan Pelanggan 5. Aduan yang telah diproses akan diambil tindakan berdasarkan kepada status aduan
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Pengurusan Aduan Rujukan 4</p>
Rekod Penilaian	Fail Maklumbalas pelanggan
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-05
PROSES KERJA	PENGENDALIAN AUDIT DALAMAN
Definisi	Membuat perancangan dalam melaksanakan audit dalaman yang dijalankan setiap tahun
Kaedah pelaksanaan	<p>Perancangan Audit</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan audit dalaman berdasarkan Takwim Aktiviti Tahunan PSP dengan mengenalpasti : <ol style="list-style-type: none"> a) Kekerapan audit dan cadangan tempoh audit b) Proses-proses yang perlu diaudit mengikut keutamaan dan kepentingan proses. 2. Mengenalpasti juruaudit dalaman yang terlibat dan membuat persediaan untuk melaksanakan proses audit dalaman. 3. Mengadakan mesyuarat pasukan audit untuk membincangkan skop, objektif dan kaedah audit serta tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas audit termasuk perbincangan tentang penemuan audit yang lepas. 4. Menyediakan borang, bahan dan dokumen berkaitan (secara bercetak atau <i>softcopy</i>) sebelum proses audit dilaksanakan. <ol style="list-style-type: none"> a. Borang Laporan Ketakakuran dan Borang Laporan Peluang Penambahbaikan b. Dokumen kualiti yang berkaitan c. Senarai Semak. d. Nota Audit. e. Lain-lain bahan yang berkaitan. 5. Menyediakan Jadual Pengauditan dan memaklumkan kepada auditee sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum Mesyuarat Pembukaan Audit Dalaman.

Pelaksanaan Audit

1. Memulakan audit dengan Mesyuarat Pembukaan. Agenda mesyuarat ini adalah seperti berikut:
 - a. Mengesahkan jadual pengauditan, skop dan objektif audit.
 - b. Mendapat persetujuan mengenai hal-hal pentadbiran merangkumi keperluan bilik pasukan audit, wakil jabatan/ unit dan lain-lain untuk diaudit
 - c. Memaklumkan cara penemuan audit akan dilaporkan termasuk ketakakuran sekiranya ada.
 - d. Memaklumkan format Mesyuarat Penutup, tarikh, tempat dan masa mesyuarat tersebut akan diadakan.
2. Menjalankan audit ke atas prosedur dan proses yang ditetapkan.
3. Mencatatkan semua dapatan audit dalam Senarai Semak Audit Dalaman / Nota Audit.
4. Mengadakan perbincangan di antara juruaudit mengenai penemuan-penemuan audit.
5. Menyelaraskan penemuan audit dalam Laporan Audit Dalaman untuk dilaporkan dalam Mesyuarat Penutup.
6. Menyerahkan Borang Laporan Ketakakuran (NCR) dan Borang Peluang Penambahbaikan kepada auditee sekiranya ketakakuran dan peluang penambahbaikan dikenalpasti.

Pelaporan Audit

1. Mengadakan Mesyuarat Penutup dengan pihak auditee dan juruaudit. Agenda mesyuarat ini ialah seperti berikut:
 - a. Menyatakan skop dan objektif audit
 - b. Pernyataan *disclaimer* dan kerahsiaan.
 - c. Memaklumkan penemuan audit yang merangkumi ketakakuran, peluang penambahbaikan dan cadangan.
 - d. Mendapatkan persetujuan wakil auditee daripada jabatan / unit yang diaudit mengenai penemuan tersebut.
 - e. Memaklumkan tarikh penghantaran Laporan Audit Susulan.
2. Mengemukakan satu salinan Laporan Audit Dalaman kepada pihak pengurusan.
3. Menyemak dan meneliti Borang Laporan Ketakakuran (NCR) dan Borang Peluang Penambahbaikan (OFI) bagi setiap penemuan audit.
4. Melengkapkan Borang Laporan Ketakakuran (NCR) dan Borang Peluang Penambahbaikan(OFI).

	<p>5. Menyemak dan menandatangani di Borang Laporan Ketakakuran (NCR) dan Borang Peluang Penambahbaikan (OFI).</p> <p>6. Menjalankan tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan jika perlu.</p> <p>7. Membuat keputusan terhadap tindakan pembetulan dan penambahbaikan berdasarkan laporan audit dalaman bagi penemuan audit yang tidak melibatkan perubahan dasar, sumber kewangan, perubahan tenaga manusia dan perubahan kepada prosedur atau sistem yang sedia ada.</p> <p>8. Membentangkan Laporan Audit Dalaman dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.</p>
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Mengamalkan konsep muhasabah dan pemantauan (Al-Hisbah) Rujukan 5
Rekod Penilaian	Laporan dapatan audit dalaman
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-06
PROSES KERJA	PERANCANGAN DAN PEGURUSAN LATIHAN STAF
Definisi	Memastikan setiap staf menghadiri kursus/menjalani latihan bagi memenuhi keperluan organisasi.
Kaedah pelaksanaan	<p>Perancangan Latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima cadangan latihan jabatan / unit berdasarkan kepada keperluan organisasi daripada PLSJ seminggu sebelum tahun berikutnya. 2. Mengemukakan perancangan latihan kepada Pengarah untuk kelulusan. 3. Mengedarkan perancangan latihan yang telah diluluskan kepada semua Ketua Jabatan / Unit / PLSJ. <p>Pelaksanaan Latihan</p> <p><u>Latihan Dalam</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat persediaan latihan merangkumi tempat latihan, makanan dan penginapan serta senarai nama peserta. 2. Mengeluarkan surat / memo kepada peserta kursus / latihan. 3. Mengedarkan Borang Pasca Latihan kepada peserta setelah menamatkan latihan samada Salinan bercetak (<i>hardcopy</i>) atau talian terus (online). 4. Menyediakan sijil kehadiran kepada peserta (jika berkaitan). <p><u>Latihan Luaran</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima tawaran latihan luaran daripada pengajur. 2. Mendapatkan calon peserta kursus dari jabatan / unit jika berkaitan. 3. Menghantar senarai nama calon kepada pengajur. 4. Memaklumkan kepada peserta menghadiri kursus jika ditawarkan. 5. Mengedarkan Borang Pasca Latihan kepada peserta setelah menamatkan latihan samada Salinan bercetak (<i>hardcopy</i>) atau talian terus (online).

	<p style="text-align: center;"><u>Sangkutan Industri Pensyarah (SIP)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima tawaran untuk pencalonan peserta dari BKPRO, KPT 2. Memaklumkan kepada staf proses permohonan SIP secara <i>online</i> dan mencetak borang permohonan untuk salinan unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan. 3. Menghantar Borang Permohonan Program Sangkutan Industri Pensyarah, surat tawaran syarikat, profil syarikat dan perancangan program latihan kepada BKPRO, KPT. 4. Menerima salinan surat tawaran daripada BKPRO, KPT. 5. Menerima peruntukan kewangan bagi program Latihan Sangkutan Industri Pensyarah dari BKPRO, KPT. 6. Menghantar laporan Sangkutan Industri Pensyarah kepada SLPK setelah peserta menamatkan latihan. <p>Penilaian Latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan analisa latihan/ kursus menggunakan Borang Analisis Pasca Latihan. 2. Melaporkan pelaksanaan latihan staf dalam Kajian Semula Pengurusan (KSP). <p>Rekod Latihan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mengedarkan Borang Penilaian Keberkesanan Kursus kepada Ketua Jabatan bagi tujuan penilaian selepas 6 bulan staf akademik berkenaan menghadiri kursus berkaitan dengan P&P. 2. Menyelenggara rekod latihan, penilaian keberkesanan latihan dan mengemaskini Pangkalan Data Latihan Staf (ESIS).
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Menuntut ilmu / latihan Rujukan 6
Rekod Penilaian	Minit Mesyuarat
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-07
PROSES KERJA	PENGURUSAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN PERKHIDMATAN
Definisi	Memastikan urusan penyelenggaraan infrastruktur dan peralatan dilaksanakan tidak melebihi 7 hari bekerja bagi kerosakan yang tidak melibatkan perolehan/pembekal
Kaedah pelaksanaan	<p>Membaiki Kerosakan Peralatan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memeriksa kerosakan peralatan dalam tempoh 3 hari selepas menerima laporan dan mengkategorikan kerosakan kepada : <ol style="list-style-type: none"> a. Kerosakan yang boleh dibaiki terus b. Kerosakan yang boleh dibaiki tetapi memerlukan perolehan alat ganti. c. Kerosakan yang perlu dibaiki oleh pembekal. <ol style="list-style-type: none"> i. Pembaikan kerosakan di dalam Politeknik ii. Pembaikan kerosakan di luar Politeknik d. Kerosakan yang tidak ekonomi untuk dibaiki. <p>Kerosakan Yang Boleh Dibaiki Terus</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaiki kerosakan tersebut dalam tempoh 7 hari bekerja selepas aduan diterima. 2. Mengemaskini status aduan di dalam e-Penyelenggaraan / Borang Laporan Kerosakan Infrastruktur dan Peralatan (BLKIP).(Lampiran 1A) <p>Kerosakan Yang Boleh Dibaiki Tetapi Memerlukan Perolehan Alat Ganti</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan proses perolehan alat ganti.(Rujuk PSP-PK-PS-03). 2. Menerima alat ganti dan membaiki kerosakan dalam tempoh 7 hari bekerja. 3. Mengemaskini status aduan di dalam e-Penyelenggaraan / Borang Laporan Kerosakan Infrastruktur dan Peralatan (BLKIP).(Lampiran 1A)
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Pengurusan Aduan Rujukan 4
Rekod Penilaian	E- Penyelenggaraan Infrastruktur
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-08
PROSES KERJA	PENGURUSAN PENYELENGGARAAN KOMPUTER DAN PERKAKASAN
Definisi	Memastikan pengurusan penyelenggaraan komputer adalah dilaksanakan tidak melebihi 7 hari bekerja bagi aset ICT yang tidak melibatkan perolehan/pembekal.
Kaedah pelaksanaan	<p>Penyelenggaraan Komputer dan Perkakasan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima aduan kerosakan di dalam Sistem e-Penyelenggaraan / Borang Laporan Kerosakan Peralatan Komputer. 2. Mencetak Borang Laporan Kerosakan Peralatan Komputer. 3. Mengenalpasti kerosakan yang dihadapi dalam tempoh sehari (waktu bekerja) selepas menerima aduan. <p>A. <u>Kerosakan yang boleh dibaiki</u></p> <p>Sekiranya kerosakan / masalah boleh dibaiki sendiri oleh Juruteknik Komputer, tindakan berikut perlu diambil:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Baiki kerosakan dalam tempoh 7 hari waktu bekerja. 2. Rekod tindakan yang telah diambil dalam ruangan Tindakan pada Borang Laporan Kerosakan Peralatan Komputer / Tindakan Pembaikan dalam Sistem e- Penyelenggaraan. 3. Dapatkan Pengesahan Pengguna. 4. Menyemak tindakan yang diambil pada Borang Laporan Kerosakan Peralatan Komputer. 5. Buat Pengesahan pada Borang Laporan Kerosakan Peralatan Komputer. <p>B. <u>Kerosakan yang tidak boleh dibaiki dan memerlukan alat ganti</u></p> <p>Sekiranya kerosakan tidak boleh dibaiki sendiri, tindakan berikut perlu diambil :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Memaklumkan kepada PPTM/PTM. 2. Rekod tindakan yang telah/perlu diambil dalam ruangan Syor Pegawai Aset pada KEW.PA-9 beserta kelulusan Ketua Jabatan. 3. Memaklumkan keperluan alat ganti kepada Pegawai Perolehan Unit / Menyediakan alat ganti (jika sedia ada). 4. Uruskan perolehan (dapatkan sebut harga daripada pembekal) dalam tempoh 7 hari waktu bekerja selepas menerima permohonan. (Rujuk PSP-PK-PS-03) 5. Laksanakan langkah A. 6. Merekodkan butiran penambahan/penggantian dan memaklumkan kepada Pen. Peg. Aset. 7. Kemaskini Daftar Harta Modal KEW.PA-2 (Bahagian B). 8. Mengisi Borang Daftar Penyelenggaraan Harta Modal KEW. PA-14
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Pengurusan Aduan Rujukan 4
Rekod Penilaian	E- Penyelenggaraan Kerosakan Komputer
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PS-09
PROSES KERJA	KAWALAN KETIDAKPATUHAN & PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN
Definisi	Tidak mematuhi objektif/prosedur yang ditetapkan dalam dokumen kualiti termasuk ketakakuran yang dilaporkan dalam audit dalaman kemudian dilaksanakan penambahbaikan kepada ketakakuran tersebut.
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meneliti Borang Pemantauan Penilaian Pengajaran terhadap pensyarah yang tidak mencapai jumlah skor yang ditetapkan. 2. Mengenalpasti punca masalah ketidakpatuhan dan mengisi Borang Tindakan Pembetulan atau Borang Tindakan Pencegahan. 3. Mendapatkan maklumat hasil daripada Kajian Semula Pengurusan. 4. Menilai dan menentukan keberkesanan tindakan pembetulan. 5. Menyemak fail-fail Kawalan Ketidakpatuhan & Penambahbaikan Jabatan & Unit serta Rekod Kualiti secara berkala.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Teliti Rujukan 7
Rekod Penilaian	Borang Pemantauan Penilaian Pengajaran / Borang Tindakan Pembetulan / Borang Tindakan Pencegahan
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-01
PROSES KERJA	PERANCANGAN AKTIVITI
Definisi	Menguruskan perancangan aktiviti Pengurusan Pengajaran Dan Latihan (PPL) bagi Politeknik Seberang Perai (PSP)
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Merujuk Kalendar Akademik Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi. 2. Merujuk Takwim Pentaksiran Politeknik Malaysia. 3. Memohon cadangan takwim aktiviti tahunan jabatan dan unit. 4. Menyelaras perancangan takwim aktiviti jabatan dan unit. 5. Menyediakan Takwim Aktiviti PSP. 6. Membuat edaran takwim melalui e-mel. 7. Menyelaras laporan pelaksanaan aktiviti jabatan dan unit pada setiap suku tahun.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Membuat Perancangan Rujukan 12</p>
Rekod Penilaian	Takwim PSP
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-02
PROSES KERJA	PENYEDIAAN JADUAL WAKTU
Definisi	Menguruskan Jadual Waktu bagi semua pensyarah dan pelajar
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendapatkan Kalender Akademik Politeknik Malaysia 2. Mengadakan mesyuarat bersama semua PJWJ 3. Menyediakan Takwim Penyediaan Jadual Waktu 4. Mendapatkan maklumat Kursus yang akan ditawarkan 5. Mendapatkan norma bilangan pelajar bagi setiap program yang akan ditawarkan 6. Mendapatkan semua senarai bilik kuliah, dewan kuliah, makmal dan bengkel untuk kegunaan 7. Menyenaraikan nama pensyarah kursus, bidang pengkhususan dan kursus yang diajar 8. Mendapatkan Dokumen Kurikulum dan struktur program 9. ** Edaran
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Memberi hak kepada yang berhak Rujukan 8
Rekod Penilaian	Senarai nama pensyarah dan bidang pengkhususan
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-03
PROSES KERJA	PENGURUSAN PENDAFTARAN PELAJAR
Definisi	Menguruskan pendaftaran pelajar baru yang memasuki politeknik.
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memproses penerimaan tawaran pelajar mengikut prosedur berkaitan seperti dalam Buku Panduan Pengambilan Dan Pengurusan Pelajar Politeknik KPT. 2. Memproses penerimaan tawaran susulan/rayuan penawaran semula tempat pengajian pelajar mengikut prosedur berkaitan seperti dalam Buku Panduan Pengambilan Dan Pengurusan Pelajar Politeknik KPT.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Ketepatan menentukan kriteria dan syarat. Rujukan 9</p>
Rekod Penilaian	SPMP HEP
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-04
PROSES KERJA	PENGENDALIAN PENGAJARAN
Definisi	Mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar.
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Rancangan Mengajar Semester. 2. Membuat persiapan dan pelaksanaan 3. Merekodkan ketidakhadiran pelajar. 4. Merekod penangguhan dan pengantian pengajaran kursus sekiranya kuliah / amali tidak dapat dijalankan. 5. Melaksanakan penilaian berterusan.
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Membuat perancangan. Rujukan 12</p>
Rekod Penilaian	i-FRP
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-05
PROSES KERJA	PENGURUSAN KOKURIKULUM
Definisi	Pengurusan kurikulum
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjalankan dan mengajar Kokurikulum mengikut sukanan yang ditetapkan. 2. Menyediakan senarai nama Kelab / Persatuan / Sukan yang tidak melebihi 50 orang bagi setiap kelab 3. Merekodkan kehadiran pelajar bagi setiap perjumpaan. 4. Mencatatkan tarikh penangguhan dan penggantian pada ruangan catatan dalam RPP 5. Meminta pelajar yang tidak menghadiri kuliah / aktiviti Kokurikulum mengemukakan surat kebenaran aktiviti pelajar yang disahkan oleh Ketua Jabatan/KK yang berkaitan sebagai bukti. Sijil cuti sakit tidak memerlukan pengesahan 6. Sekiranya tiada bukti, keluarkan surat amaran pertama. 7. Mengeluarkan surat amaran akhir. 8. Mengisi Borang Pemantauan Kehadiran Pelajar. 9. Mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab Bagi Kehadiran kuliah / aktiviti Kokurikulum kurang 80% kepada pelajar yang didapati peratus kehadirannya kurang daripada 80% pada minggu ke-9
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Amanah Rujukan 10
Rekod Penilaian	i-FRP KO-K
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-06
PROSES KERJA	PERLAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI
Definisi	Pelaksanaan Latihan Industri
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan takwim aktiviti latihan industri untuk tahun 2. Memberi Taklimat Latihan Industri kepada pelajar yang akan menjalani latihan industri berkenaan. 3. Menghantar Surat Lapor Diri dan maklumat penempatan latihan industri kepada pelajar. 4. Menghantar Surat Penempatan dan senarai nama pelajar yang akan menjalani latihan industri kepada organisasi yang berkenaan. 5. Menyediakan laporan lawatan penyeliaan latihan industri untuk tindakan KUPLI / PPLI. 6. Mengambil tindakan ke atas laporan yang diterima daripada pensyarah mentor. 7. Memantau dan mengambil tindakan penambahbaikan ke atas pelajar yang sedang menjalani latihan industri 8. Mengenalpasti bilangan organisasi dan bilangan pelajar 9. Menyemak dan menandatangani Jurnal Refleksi Pelajar
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	AMANAH Rujukan 10
Rekod Penilaian	Surat Tamat dan Borang Penilaian LI
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-07
PROSES KERJA	PENGURUSAN PEPERIKSAAN
Definisi	Menguruskan hal ehwal peperiksaan bermula dengan penggubalan soalan, penyediaan jadual pengawasan serta jadual peperiksaan, percetakan soalan, menguruskan peperiksaan, pemprosesan markah peperiksaan serta penyimpanan kertas peperiksaan.
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan setiap item memenuhi kehendak FEIST yang ditetapkan serta mematuhi aras yang ditetapkan menurut taxonomy Bloom 2. Menguruskan jadual waktu peperiksaan dan pengawasan 3. Mengawalselia percetakan dan penyimpanan soalan 4. Mengawalselia pemprosesan markah 5. Memastikan borang akta rahsia rasmi digunakan
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Amanah</p> <p>Rujukan 10</p>
Rekod Penilaian	Spreadsheet PB dan PA
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-08
PROSES KERJA	PERKHIDMATAN PENGURUSAN PSIKOLOGI DAN KERJAYA
Definisi	Memberi khidmat rundingcara bagi isu peribadi serta memberi khidmat dalam bentuk panduan dari segi aspek pemilihan kerjaya
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perancangan Program Di Peringkat Unit Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi/ Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)/ Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK)/ Unit Pengurusan Psikologi Politeknik/ Unit Pengurusan Psikologi Kolej Komuniti 2. Pengendalian Permohonan Perkhidmatan 3. Intervensi Kaunseling 4. Penaksiran Ujian Psikologi 5. Pelaksanaan Program 6. Psikopendidikan 7. Intervensi Krisis 8. Merujuk kes perkhidmatan psikologi, kaunseling dan bimbingan 9. Laporan Pencapaian Program
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Kaunseling Rujukan 11</p>
Rekod Penilaian	Borang Penilaian Program dan Borang Perakuan Termaklum
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-09
PROSES KERJA	PENGURUSAN DISIPLIN PELAJAR
Definisi	Menguruskan hal berkaitan disiplin pelajar
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelaksanaan penguatkuasaan disiplin 2. Taklimat disiplin kepada pelajar 3. Penyebaran maklumat disiplin di papan kenyataan dan laman sesawang 4. ** Edaran
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	<p>Pengurusan Aduan Rujukan 4</p>
Rekod Penilaian	Laporan Kes Disiplin
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

BAHAGIAN	PSP-PK-PPL-10
PROSES KERJA	PENILAIAN PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
Definisi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menilai keberkesanannya Proses Pengajaran dan Pembelajaran 2. Mendapat maklum balas pelanggan terhadap keberkesanannya proses P&P
Kaedah pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan Jadual Proses Pemantauan 2. Menyediakan Instrumen Pemantauan 3. Memberikan maklumat kepada pegawai pemantau dan pensyarah yang dipantau 4. ** Edaran
Kriteria Penilaian (Nilai) dan Sumber Rujukan Syariah	Membuat Perancangan Rujukan 12
Rekod Penilaian	Fail Pemantauan Pensyarah
Hasil Penilaian Pematuhan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Tidak Pasti
Catatan	

LAMPIRAN 2 (Sumber Rujukan Nilai-nilai Syariah SCCP)

NILAI TERAS : MUSYAWARAH

Di antara nilai-nilai kemanusiaan dan sosial yang dibawa oleh Islam adalah syura (musyawarah). Makna syura adalah bahwa hendaknya seseorang tidak menyendiri pendapatnya dan dalam persoalanpersoalan yang memerlukan kebersamaan fikiran dengan orang lain. Kerana pendapat dua orang atau lebih dalam jamaah itu dianggap lebih mendekati kebenaran daripada pendapat seorang saja.

Sebagaimana musyawarah dalam suatu urusan itu dapat membuka pintu kesulitan dan memberi kesempatan untuk melihat urusan itu dari berbagai sudut, sesuai dengan perbedaan perhatian tiap individu dan perbedaan tingkat pemikiran serta tingkat pengetahuan mereka. Dengan demikian maka keputusan yang diperoleh adalah berdasarkan persepsi (tashawwur) yang syamil (sempurna) dan berdasarkan studi yang menyeluruh (komprehensi). Dengan adanya aktifitas bermusyawarah, manusia akan mempunyai nilai tambah, selain dan yang bersumber dari pikirannya sendiri. Yakni pemikiran orang lain. Selain itu ilmunya juga bertambah oleh ilmu orang lain. Seorang penyair mengatakan:

“Apabila suatu ide itu telah sampai pada musyawarah, maka minta tolonglah dengan ide orang yang memberi nasihat dengan mantab, dan jangan kamu mengira bahwa musyawarah itu akan merugikan kamu, karena para pendahulu itu menjadi penguat generasi masa kini.”

Islam telah menyuruh kita untuk bermusyawarah dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْكُنْتَ فَظْلًا عَلَيْهِ أَلْقَبِ لَا نَفَضُوا
 مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ
 فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

109

Surah Al-Imraan 3:159

Terjemahan :


“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu ma’afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu⁽¹⁾. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.”

Nota:

- (1) Maksudnya: urusan peperangan dan hal-hal duniaawah lainnya, seperti urusan politik, ekonomi, kemasyarakatan dan lain-lain.

RUJUKAN 1 : BERBELANJA DENGAN BAIK

وَأَنفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا أَيْدِيکُمْ إِلَى الْهَلْكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ



Surah Al-Baqarah 2:195

Maksudnya :

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَاماً ٦٧

Surah Al-Furqan 25: 67

Maksudnya:

“Dan apabila orang yang membelanjakan harta, mereka tidak boros dan tidak pula kedekut, sebaliknya perbelanjaan mereka adalah secara wajar dan sederhana”.

Al-Furqan25: 67

RUJUKAN 2 : KOMUNIKASI MEDIA BERKESAN

Allah SWT berfirman,



يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

Surah At-Taubah 9:119

Maksudnya :

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar.”

Komunikasi berasal dari perkataan Yunani, iaitu *communicare* yang bermaksud menjadikan sesuatu itu milik bersama di mana menyampaikan sesuatu mesej kepada pendengar, pendengar pula bertindak dengan memberi maklumbalas yang bersetujuan. Bercakap, mendengar, menonton, membaca, menulis, berdoa, menilai diri dan sebagainya juga adalah aktiviti komunikasi.

Perkataan komunikasi juga mempunyai persamaan maksud dengan perkataan bahasa arab. Dalam Islam, perkataan dakwah, *ittisal* (menyampaikan) dan *wasa'i/i'lam* (kaedah penyampaian) digunakan bagi menggambarkan maksud komunikasi dalam Islam.

Oleh itu, definisi **komunikasi Islam** ialah proses bagaimana seseorang pendakwah berfungsi sebagai komunikator, berkongsi pengalaman dan maklumat dengan pendengar.

Perkataan yang Menerangkan Aktiviti Komunikasi	Maksud	Nama Surah dalam Al-Qur'an
<i>Qara'a</i>	Membaca	Surah al-Nahl : 98
<i>Baligh</i>	Sampaikan	Surah al-Maaidah : 67
<i>Bashir</i>	Khabarkan	Surah al-Nisa : 138
<i>Qu'l</i>	Katakan	Surah al-Ikhlas : 1
<i>Dia'a</i>	Menyeru	Surah al-Imran : 104
<i>Tawassa</i>	Berpesan-pesan	Surah al-Asr : 3
<i>Sa'ala</i>	Bertanya	Surah al-Maidah : 4
<i>Sama'a</i>	Bertanya	Surah al-Maidah : 108

Terdapat 12 prinsip yang perlu ada dalam komunikasi individu berdasarkan Al-Qur'an iaitu:

- a) Memulakan percakapan dengan ucapan "Assalamualaikum";
- b) Bercakap dengan lemah lembut (al-Taa ayat 43);
- c) Menggunakan perkataan yang baik (al-Isra' ayat 53);
- d) Menyebut perkara yang baik-baik tentang diri rakan-rakan (Hadis Nabi);
- e) Menggunakan hikmah dan nasihat yang baik (al-Nahl ayat 125);
- f) Bercakap benar (al-An'am ayat 152);
- g) Menyesuaikan bahasa dan isi percakapan dengan tingkat kecerdasan pendengar (Hadis Nabi);
- h) Berdialog dengan cara yang lebih baik (al-Nahl ayat 125);
- i) Menyebut perkara yang penting berulang kali (Sunnah Nabi);
- j) Mengotakan apa yang dikata (al-Saf ayat 21);
- k) Mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain (al-Imran ayat 159); dan
- l) Berdoa kepada Allah S.W.T jika memikul tanggungjawab komunikasi yang besar (al-Taha ayat 25).

Hadith Riwayat Muslim

“Hendaklah kamu semua menjadi orang-orang yang benar, kerana sesungguhnya sikap benar itu membawa kepada kebaikan, kebaikan itu pula membawa kepada syurga. Sesungguhnya seorang lelaki yang bercakap benar sehinggalah dia dicatit disisi Allah sebagai seorang yang benar. Jauhilah kamu semua dari berbohong, kerana sesungguhnya berbohong itu akan membawa kepada perbuatan jahat, dan perbuatan jahat itu akan membawa kepada neraka. Sesungguhnya seorang lelaki yang berbohong sehinggalah dia dicatit disisi Allah sebagai seorang pembohong.”

Rasulullah SAW bersabda:

“Sesiapa yang benci kepada kebenaran, sesungguhnya ia benci kepada Allah. Kerana sesungguhnya Allah itu benar lagi membenarkan. Hendaklah tuanku tegakkan kebenaran dan keadilan keatas rakyat. Tutuplah aurat (keiban) mereka. Janganlah dikunci pintu rumah tuanku, atau mengadakan hijab (penghalang) diantara tuanku dengan mereka. Hendaklah tuanku bergembira dengan nikmat yang mereka terima, tetapi bersimpati dengan musibah yang menimpa mereka.”

MENELITI DAN MEMASTIKAN KESAHIHAN MAKLUMAT

Salah satu sikap yang **wajib ada pada diri seseorang muslim** adalah sentiasa **memastikan** dan **menyemak apa juá maklumat dan berita yang sampai kepadanya**. Ini adalah bagi mengelakkan pelbagai bentuk fitnah dan tindakan yang salah setelah itu akibat maklumat yang bermasalah.

Allah SWT berfirman,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا إِنَّ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنَّ تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهَنَّمَةِ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ

Surah Al-Hujurat 49:6

Maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu."

Masyarakat secara umum begitu mudah menerima, takjub, dan terpengaruh dengan pelbagai jenis khabar dan berita, walapun sumber berita tersebut datangnya dari musuh-musuh Islam sendiri. Sehingga khabar-khabar tersebut akhirnya merosakkan pemikiran mereka tanpa sedar. Tidak cukup dengan itu, mereka membantu menyebarkan pula maklumat dari berita-berita yang mereka terima sedangkan mereka sendiri tidak dapat memastikan kesahihan dan mengkaji kesannya kepada umum.

Dalam ayat ini, Allah melarang hamba-hambanya yang beriman berjalan mengikut desas-desus. Allah menyuruh kaum mukminin memastikan kebenaran berita yang sampai kepada mereka. Tidak semua berita yang diberitakan itu benar, dan juga tidak semua berita yang terucapkan itu sesuai dengan fakta. Maka wajib atas mukminin untuk selalu waspada, hingga kita mengetahui orang yang hendak menebarkan berita yang tidak benar.

Di dalam ayat tersebut, Allah SWT berfirman maksudnya, "**Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti.**" Maksudnya, janganlah kamu menerima (begitu saja) berita dari orang fasik, sehingga kamu mengadakan pemeriksaan, penelitian dan mendapatkan bukti kebenaran berita itu.

Allah SWT memberitahukan, bahawa orang-orang fasik itu pada dasarnya (jika berbicara) dia dusta, akan tetapi kadang ia juga benar. Oleh itu, berita yang disampaikan tidak boleh diterima dan juga tidak ditolak begitu saja, kecuali setelah diteliti. Jika benar sesuai dengan bukti, maka diterima dan jika tidak, maka ditolak.

Kemudian Allah SWT menyebutkan *illat* (sebab) perintah untuk meneliti dan larangan untuk mengikuti berita-berita tersebut. Allah berfirman, "**Agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya**".

Kemudian nampak bagi kamu kesalahanmu dan kebersihan mereka.

"Yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu"

Terutama jika berita tersebut boleh menyebabkan punggungmu terkena cambuk. Misalnya, jika masalah yang mereka bicarakan boleh mengkibatkan hukum had, seperti *qadzaf* (menuduh) dan yang sejenisnya.

Penyebaran Maklumat

Allah SWT telah berfirman,

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنْ أَلَّا مُنْهَمْ أَوِ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ وَلَوْرَدُوهُ إِلَى
الرَّسُولِ وَإِلَىٰ أُولَئِكَ أَوْلَى الْأَمْرِ مِنْهُمْ لِعِلْمِهِ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ
وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُهُ لَا تَبْعَثُمُ الشَّيْطَانُ إِلَّا

قَلِيلًا

Surah An-Nisa' 4:83

Maksudnya :

"Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan Ulil Amri⁽⁶⁰⁾ di antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya dari mereka (Rasul dan Ulil Amri)⁽⁶¹⁾. Kalau tidaklah karena karunia dan rahmat Allah kepada kamu, tentulah kamu mengikut syaitan, kecuali sebahagian kecil saja (di antaramu)."

Nota :

- (60) *ialah: tokoh-tokoh sahabat dan para cendekiawan di antara mereka.*
- (61) *Menurut mufasirin yang lain maksudnya ialah: kalau suatu berita tentang keamanan dan ketakutan itu disampaikan kepada Rasul dan Ulil Amri, tentulah Rasul dan Ulil Amri yang ahli dapat menetapkan kesimpulan (istimbat) dari berita itu.*

Ayat ini menunjukkan pengingkaran terhadap sikap tergesa-gesa dalam menghadam dan menyebarkan berita-berita yang diterima sedangkan mereka sendiri belum dapat **memastikan kesahihan, tafsiran, dan kesan dari maklumat** tersebut. Dalam ayat tersebut juga memberitahu suatu kaedah dalam menyikapi berita-berita yang diterima, iaitu dengan **menyerahkannya kepada pihak yang berautoriti** dari **kalangan ilmuan** (dalam bidangnya), **para ulama** (yang memahami agama), dan **pihak berkuasa** (pemerintah), iaitu bukan diserahkan dan disebarluaskan ke khalayak umum begitu sahaja. Dalam hal ini, terdapat hadis yang berbentuk tegahan keras daripada Rasulullah SAW melalui sabdanya,

كَفِي بِالْمَرءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ

“Cukuplah seseorang dianggap pendusta ketika dia menceritakan (menyebarkan) setiap apa yang dia dengar.” (Hadis Riwayat Muslim, Mukaqaddimah Shahih Muslim, 1/15, no. 6)

Rasulullah SAW mengingatkan dengan sabdanya,

“Akan datang nanti kepada manusia, masa-masa yang penuh tipu daya. Para pendusta dianggap sebagai orang yang jujur, manakala orang yang jujur dianggap pendusta. Orang khianat dianggap amanah dan orang yang amanah dilabel sebagai pengkhianat. Dan para Ruwaibidhah mula berkata-kata (bersuara).” Ada yang bertanya, “Siapa Ruwaibidhah?” Rasulullah menjawab, “Orang yang bodoh sibuk berbicara (mengulas) tentang masalah masyarakat.” (Hadis Riwayat Ibnu Majah, Kitab al-Fitan, 12/44, no. 4026. Dinilai sahih oleh al-Albani)

Dengan itu, sebagai seorang muslim yang sentiasa memelihara prinsip-prinsip dalam beragama seharusnya bersabar, teliti, dan mengambil nasihat para ulama dalam menganalisa sesuatu berita dan maklumat. Iaitu tidak bersikap tergesa-gesa dalam menghadam, mengulas, dan menyebarkannya.

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الظَّاهِرُونَ
عَلَى الْأَرْضِ هُنَّا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَهْلُونَ
قَالُوا سَلَامًا ٦٣

Surah Al-Furqan 25: 63

Maksudnya:

“Ada pun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah itu adalah orang yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang jahil / bodoh menyapa mereka (dengan kata-kata menghina), mereka mengucapkan salam.”

RUJUKAN 3 : KETELUSAN / KEJUJURAN

PENGERTIAN JUJUR

Kata **jujur** adalah kata yang digunakan untuk menyatakan **sikap** seseorang. Jika ada seseorang berhadapan dengan sesuatu atau *fenomena* maka orang itu akan memperoleh gambaran tentang sesuatu atau fenomena tersebut. Jika orang itu menceritakan informasi tentang gambaran tersebut kepada orang lain tanpa ada “perubahan” (sesuai dengan realitinya) maka sikap yang seperti itulah yang disebut dengan **jujur**.

حَدِيثُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيُصْدِقُ حَتَّى يَكُونَ صِدِيقًا. وَإِنَّ الْكَذَبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ. وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا.

(أخرج البخارى فى : 78- كتاب الأدب: 69 باب قول الله تعالى : يا أيها الذين
امنو اتقوا الله وكونوا مع الصادقين)

Maksudnya :

“Abdullah ibnu Mas’ud berkata bahwa Nabi SAW bersabda, “Sesungguhnya benar (*jujur*) itu menuntun kepada kebaikan, dan kebaikan itu menuntun ke surga, dan seseorang itu berlaku benar sehingga tercatat di sisi Allah sebagai seorang yang *siddiq* (yang sangat jujur dan benar). Dan dusta menuntun kepada curang, dan curang itu menuntun ke dalam neraka. Dan seorang yang dusta sehingga tercatat di sisi Allah sebagai pendusta.”

(Dikeluarkan oleh Imam Bukhari dalam kitab ”Tatakrama” bab: firman Allah Ta’ala: Hai orang-orang yang beriman bertaqwalah kepada Allah dan jadilah kamu semua bersama orang-orang yang benar)

TINJAUAN BAHASA

الصّدْقُ

: Dalam ucapan berarti lawan dari bohong Dalam niat berarti ikhlas; dalam janji bererti menepatinya; dalam kelakuan berarti tidak melakukan kejahanan; baik secara sembunyi-sembunyi maupun zahir. Kalau dalam berbagai hal shiddiq (benar) Dinamakan **الصّدْقُ** kalau benar dalam berbagai sifat saja dinamakan **الصّادِقُ**

الْبِرُّ

: Sebutan yang mencakup segala kebaikan

يَهْدِي

: Menuntun, membawa

الْفُجُورُ

: Lawan (kebalikan) da **الْبِرُّ**

PENJELASAN

Orang jujur akan menjadi orang yang paling taat kepada Allah SWT. Dalam sebuah riwayat disebutkan tentang seorang badui yang meminta nasihat kepada Rasulullah SAW. Belilau hanya berkata “jangan bohong” perkataan Rasulullah SAW terus mengiang-ngiang ditelinga sang badui sehingga setiap kali dia akan melakukan perbuatan tercela, dia berfikir bahwa Rasulullah pasti akan menanyakannya dan dia harus jujur. Dia pun tidak jadi melakukan perbuatan terlarang tersebut. (Syafe'i: 2000: 81-84)

HADIS TENTANG KEJUJURAN MEMBAWA KEBAIKAN

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ الصَّدْقَ بِرٌّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَحَرَّى الصَّدْقَ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدِيقًا وَإِنَّ الْكَذِبَ فُجُورٌ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَإِنَّ الْعَبْدَ لَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّى يُكْتَبَ كَذَابًا (متفق عليه)

Maksudnya:

“Dari Ibnu Mas’ud ra. Berkata, Rasulullah saw. Bersabda: “sesungguhnya shidq (kejujuran) itu membawa kepada kebaikan, Dan kebaikan itu membawa ke surga. Seseorang akan selalu bertindak jujur sehingga ia ditulis di sisi Allah swt sebagai orang yang jujur. Dan sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan, dan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang akan selalu berdusta sehingga ia ditulis di sisi Allah swt sebagai pendusta”.” (**Muttafaqun ‘Alaih**)

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : عَلَيْكُم بِالصِّدْقِ فَإِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْنُدُ وَيَتَحَرَّى الصِّدْقَ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدِيقًا وَإِيَّاكُمْ وَالْكَذِبَ فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْذِبُ وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذِابًاً رواه مسلم .

Maksudnya :

“Abdullah bin Mas’ud berkata: “Bersabda Rasulullah: Kalian harus jujur karena sesungguhnya jujur itu menunjukan kepada kebaikan dan kebaikan itu menunjukkan kepada jannah. Seseorang senantiasa jujur dan berusaha untuk jujur sehingga ditulis di sisi Allah sebagai orang yang jujur. Dan jauhilah oleh kalian dusta karena sesungguhnya dusta itu menunjukkan kepada keburukan dan keburukan itu menunjukkan kepada neraka. Seseorang senantiasa berdusta dan berusaha untuk berdusta sehingga ditulis disisi Allah sebagai seorang pendusta” (**HR Muslim, Shohih Muslim hadits no : 6586**)

PERISTIWA HADIS

Dia adalah Abu Abdurrahman Abdullah bin Mas'ud salah seorang Assabiqun Al-awalaun (golongan yang pertama masuk Islam), termasuk dalam kalangan sahabat utama dan ahli fiqh. Meninggal di Madinah pada tahun 32 H dalam usia 60 tahun.

MAKNA SECARA UMUM

Dalam hadis ini mengandung isyarat bahwa siapa yang berusaha untuk jujur dalam perkataan maka akan menjadi karakternya dan barangsiapa sengaja berdusta dan berusaha untuk dusta maka dusta menjadi karakternya. Dengan latihan dan upaya untuk memperoleh, akan berlanjut sifat-sifat baik dan buruk.

Hadis di atas menunjukkan betapa agungnya perkara kejujuran di mana akan membawa orang yang jujur ke jannah serta menunjukkan akan besarnya keburukan dusta di mana akan membawa orang yang dusta ke neraka.

FAEDAH YANG BOLEH DIAMBIL DARI HADIS

1. Kejujuran termasuk akhlak terpuji yang dianjurkan oleh Islam.
2. Di antara petunjuk Islam hendaknya perkataan orang sesuai dengan isi hatinya.
3. Jujur merupakan sebaik-baik sarana keselamatan di dunia dan akhirat.
4. Seorang mukmin yang bersifat jujur dicintai di sisi Allah Ta'ala dan di sisi manusia.
5. Membimbing rakan lain bahawa jujur itu jalan keselamatan di dunia dan akhirat.
6. Menjawab secara jujur ketika ditanya pengajar tentang penyebab kurangnya melaksanakan kewajiban.
7. Dusta merupakan sifat buruk yang dilarang Islam.
8. Wajib menasihati orang yang mempunyai sifat dusta.
9. Dusta merupakan jalan yang menyampaikan ke neraka.

DALIL DARIPADA AL-QURAN

Allah SWT telah berfirman,

وَإِمَّا تَخَافَّ مِنْ قَوْمٍ خِيَانَةً فَأُنذِنْ لِإِلَيْهِمْ عَلَى سَوَاءٍ إِنَّ اللَّهَ لَا

يُحِبُّ الْخَائِنِينَ

58

Surah Al-Anfal 8:58

Maksudnya :

“Dan jika kamu khawatir akan (terjadinya) pengkhianatan dari suatu golongan, maka kembalikanlah perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berkhianat.”

Allah SWT juga berfirman dalam Surah An-Nahl ayat 105,

إِنَّمَا يَفْتَرِي الْكَذِبَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِيَآيَاتِ اللَّهِ وَأُولَئِكَ

هُمُ الْكَاذِبُونَ

105

Surah An-Nahl 16:105

Maksudnya :

“Sesungguhnya yang mengada-adakan kebohongan, hanyalah orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itulah orang-orang pendusta.”

Dan, dalam Surah At-Taubah ayat 119,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَتَقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ

١١٩

Surah At-Taubah 9:119

Maksudnya :

“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar.”

Dalam Hadis Nabi SAW juga dimuatkan (dijelaskan) tentang kejujuran, antara lainnya adalah,

عن عبد الله بن مسعود رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم
قال: ان الصدق يهدى الى البر وان البر يهدى الى الجنة وان الرجل
ليصدق حتى يكتب عند الله صديقاً ان الكذب يهدى الى الفجور وان
الفجور يهدى الى النار وان الرجل ليكذب حتى يكتب عند الله كذاباً

{بيل ع قفتـم}

Maksudnya :

“Dari Abdullah bin Mas’ud dari Nabi SAW, Beliau bersabda; sesungguhnya kejujuran itu membawa pada kebaikan dan kebaikan itu membawa (pelakunya) ke surga dan orang yang membiasakan dirinya berkata benar(jujur) sehingga ia tercatat disisi Allah sebagai orang yang benar, sesungguhnya dusta itu membawa pada keburukan(kemaksiatan) dan keburukan itu membawa ke neraka dan orang yang membiasakan dirinya berdusta sehingga ia tercatat disisi Allah sebagai pendusta.” (HR. Bukhari Muslim)

عن ابى محمد الحسن بن علی بن ابى طالب رضي الله عنهم، قال
حفظت من رسول الله صلی الله عليه وسلم دع ما يریبک الى ما لا یریبک
فان الصدق طمأنينة والكذب ريبة

{یذمرت لا هاور}

Maksudnya :

“Abi Muhammad Hasan bin Ali bin Abi Thalib RA, ia berkata; Saya hafal (hadis) dari Nabi SAW, “Tinggalkan sesuatu yang meragukan pada sesuatu yang tidak meragukan, maka sesungguhnya jujur adalah ketenangan (hati) dan dusta adalah keraguan (hati)”. ”

(HR Turmudzi)

رواه ابن مسعود رضي الله عنه عن رسول الله صلی الله عليه وسلم،
وأرجحه البخاري ومسلم
عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَلَيْكُمْ بِالصَّدْقِ، فَإِنَّ الصَّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبَرِّ، وَإِنَّ الْبَرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَصْدُقُ وَيَتَحَرَّى الصَّدْقَ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدِيقًا، وَإِنَّكُمْ وَالْكَذِبَ، فَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَمَا يَزَالُ الرَّجُلُ يَكْنِبُ، وَيَتَحَرَّى الْكَذِبَ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

Maksudnya:

“Abdullah ibnu Mas’ud berkata bahwa Nabi SAW bersabda, “Sesungguhnya benar (jujur) itu menuntun kepada kebaikan, dan kebaikan itu menuntun kesyurga, dan seseorang itu berlaku benar sehingga tercatat di sisi Allah sebagai seorang yang siddiq (yang sangat jujur dan benar). Dan dusta menuntun kepada kecurangan, dan kecurangan itu menuntun kedalam neraka. Dan seorang yang dusta sehingga tercatat di sisi Allah sebagai pendusta.” (Muttafaq ‘alaih)

RUJUKAN 4 : PENGURUSAN ADUAN

Rasulullah SAW bersabda :

“Siapa yang menyakiti seorang muslim tanpa hak maka ia seolah-olah telah merobohkan rumah Allah” (Hadith riwayat Tabrani)

Dari sudut perlindungan: kewajiban menjaga , melindungi dan mempertahankan hak adalah suatu pendekatan diri kepada Allah SWT. Malah dari perspektif Islam hak memang wajib dilindungi . Adalah suatu amalan lohor dan suci berjuang membela hak.

KETOKOHAN SAIDINA UMAR PEKA ADUAN MASYARAKAT WAJAR DICONTOHI

Cara Saidina Umar al-Khattab ra menyelesaikan masalah rakyat menjadi rujukan terbaik untuk menangani aduan secara berkesan, adil dan saksama. Sepanjang pemerintahannya, Khalifah kedua itu sentiasa menitikberatkan kebajikan rakyat dengan mengetepikan sama sekali kepentingan sendiri walaupun sebagai pemerintah, Umar layak mendapat banyak kemudahan.

Menariknya, ketika pemerintahannya, Umar tidak sekadar mengharapkan pegawai kerajaan menyelesaikan masalah sebaliknya bersama turun padang meninjau kehidupan rakyat.

Umar sebagai khalifah inovatif dalam soal pentadbiran yang mengadakan sesi menerima aduan pada setiap musim haji. “Dalam istilah hari ini, ia dikenali sebagai hari bertemu pelanggan. Umar juga menubuhkan agensi untuk menerima aduan rakyat mengenai kegagalan sistem penyampaian kerajaan. Hari ini ia boleh dikatakan sebagai Biro Pengaduan Awam. Bezanya sistem yang dibentuk Umar dengan apa yang ada hari ini ialah agensi pengaduan awam ketika ini tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan.

Satu lagi perbezaan ketara antara pengurusan aduan rakyat secara Islam dan konvensional ialah matlamat sistem konvensional cuma kepuasan pelanggan.

Bagaimanapun, dalam Islam matlamat akhirnya ialah keredaan Allah.Umar mempamerkan sikap penuh tanggungjawab sebagai penjawat awam apabila berkata: ‘Jika seekor keldai jatuh ke dalam Sungai Furat (di Iraq), maka Umarlah yang bertanggungjawab,” katanya.

Umar, katanya, memperlihatkan pelaksanaan sistem pemulihan perkhidmatan dengan memikul sendiri gandum untuk diserahkan kepada keluarga miskin yang ditemuinya ketika keluar menyiasat seorang diri pada malam hari.

Apabila seorang sahabat menawarkan diri untuk memikul gandum itu, Umar dengan tegas berkata: “Aslam, jangan engkau menjerumuskan aku ke dalam neraka. Sekiranya engkau menggantikan aku memikul beban ini, adakah engkau juga akan memikul beban di kepalaku pada akhirat kelak?”. Konsep ketakwaan dalam pengurusan aduan dan sistem pemulihan perkhidmatan yang boleh dicontohi kakitangan sektor awam yang memikul amanah rakyat.

Sementara itu, pensyarah Jabatan Siasah Syariyyah, Akademi Pengajian Islam UM, Dr Siti Arni Basir, dalam pembentangannya jelas menyatakan Saidina Umar sebagai contoh paling ideal menerima kritikan orang ramai sama ada kritikan berkenaan ditujukan kepada beliau atau pegawainya.

Dr Siti Arni memetik kisah pada zaman Umar ketika orang Yaman menghantar sejumlah kain daripada bulu yang sudah dipotong mengikut ukuran sama kepada Umar.

Umar menerimanya dan kemudian membahagikan kain itu kepada orang ramai, sepotong setiap seorang. Selepas selesai, Umar naik ke atas mimbar dengan meletakkan sepotong kain yang besar ukurannya dan memulakan ucapan.

Tiba-tiba seorang sahabat bangun dan berkata: “Tuan, membahagikan kepada setiap seorang daripada kami sepotong kain sedangkan Tuan memiliki kain yang besar ukurannya.” Umar kemudian bertanya: ‘Di mana Abdullah Umar?’ Abdullah menyahut pertanyaan itu dan Umar bertanya lagi: “Untuk siapa sebahagian daripada kain yang ada padaku ini?” Jawab Abdullah: “Untuk saya.” Pada waktu itu sahabat tadi mencelah: “Sekarang katakanlah apa yang Tuan ingin sampaikan, kami akan mendengarnya.”

Kejadian itu dengan jelas menunjukkan Islam agama yang menyeru kepada budaya saling menasihati seperti ditegaskan dalam hadis dan al-Quran. Nas daripada al-Quran dan hadis menunjukkan dengan jelas tanggungjawab individu Islam berhubung konsep amar makruf nahi mungkar dan nasihat kepada pegawai atau pekerja. Nasihat menasihati sekarang dikenali sebagai pengawasan masyarakat kepada pentadbir dan pegawai.

Pengurus organisasi dan ketua jabatan perlu bersikap terbuka apabila menerima aduan. Sikap menuding jari antara ketua dengan pekerja atau sesama pekerja perlu dielak kerana yang lebih penting ialah mengambil langkah menangani aduan daripada masyarakat.

Umar juga, katanya, melantik Muhammad Maslamah untuk menyiasat aduan penduduk dan melaporkan semula kepada beliau. Berdasarkan laporan itu, Umar menggariskan cadangan untuk menjaga kepentingan masyarakat.

"Cara ini dilaksanakan di negara Scandinavia yang dikenali sebagai The Ombudsman. Cara penyiasatan yang dilaksanakan Umar juga menjadi asas kepada terbentuknya sistem 'membasmi penganiayaan' pada zaman Khalifah Umayyah. Keprihatinan Umar dapat dilihat apabila beliau meminta Muhammad menyiasat aduan penduduk Iraq mengenai Saad Abi Waqas yang mempunyai kedudukan tinggi di sisi Rasulullah. Seorang penduduk, Usamah Qatada memberitahu bahawa Saad tidak membahagikan bantuan sama rata, tidak adil terhadap masyarakat dan tidak keluar berperang bersama tentera. Mengambil kira aduan itu, Umar akhirnya memecat Saad,"

حدثنا الحسن بن علي الحلواني حدثنا عبد الرزاق وأبو عاصم عن ابن حجر العسقلاني أخبرني زياد عن هلال بن أسماء أن أبا ميمونة سلمى مولى من أهل المدينة رجل صدق قال بينما أنا جالس مع أبي هريرة جاءته امرأة فارسية معها ابن لها فادعياه وقد طلقها زوجها فقالت يا أبا هريرة ورطنت له بالفارسية زوجي يريد أن يذهب بابني فقال أبو هريرة استهما عليه ورطن لها بذلك فجاء زوجها فقال من يحاقني في ولدي فقال أبو هريرة اللهم إني لا أقول هذا إلا أني سمعت امرأة جاءت إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم وأنا قاعد عنده فقالت يا رسول الله إن زوجي يريد أن يذهب بابني وقد سقاني من بئر أبي عنبة وقد نفعني فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم استهما عليه فقال زوجها من يحاقني في ولدي فقال النبي صلى الله عليه وسلم هذا أبوك وهذه أمك فخذ يد أيهما شئت فأخذ يد أمه فانطلقت به

Maksudnya :

Telah menceritakan kepada kami al-Hassan bin Ali al-Hilwani, telah menceritakan kepada kami Abd Razak dan Abu 'Asim, daripada ibn Juraij, telah mengkhabarkan kepadaku Ziyad, daripada Hilal bin Usamah, bahawa Abu Maimunah SulmaMaula yang merupakan penduduk Kota Madinah yang merupakan seorang yang jujur. Katanya: "Semasa aku bersama Abu Hurairah, tiba-tiba dating seorang ibu berbangsa Parsi bersama seorang anak lelaki mengadu kepada Abu Hurairah. Beliau diceraikan oleh suaminya. Suaminya ingin mengambil anak hasil daripada perkahwinan mereka. Maka Abu Hurairah menjawab, 'Bahwasanya aku tidak akan menjawab melainkan kau telah mendengar bahawa seorang wanita telah berjumpa dengan Nabi SAW ketika aku bersama dengannya.' Lalu wanita berkata: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya suamiku mahu mengambil anakku, pada hal dia adalah yang membantu aku mengambil air untukku dari perigi Abi Unbah dan aku sangat memerlukannya." Rasulullah SAW bersabda: "Ini ayahmu ini ibumu. Pilihlah mana yang engkau sukai. 'Lalu anak tersebut telah memiliki bapunya. Kemudian ibunya pergi membawa anaknya.

(Hadith Riwayat Abu Daud)

RUJUKAN 5 : HISBAH

Institusi kerajaan Islam sejak zaman Rasullullah S.A.W telah mengamalkan konsep ‘**amal makruf nahi mungkar**’ dengan adanya “**Al-Hisbah**” dan diteruskan oleh *Khulafa’ Ar-Rashidun* serta Bani Umayyah dan Bani Abbasiyah dalam sistem urus tadbir negara.

Pemantauan merupakan salah satu dari fungsi pengurusan. Banyak ayat dalam Al-Quran yang menjelaskan tentang pentingnya pengurusan. Di dalam Islam, fungsi pemantauan dapat terungkap pada ayat-ayat di dalam al Qur'an:

كَبُرُّ مَقْتَأِعَنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Surah As-saf 61:3

Maksudnya:

“Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tiada kamu kerjakan.”

Ayat tersebut memberikan ancaman dan peringatan terhadap orang yang mengabaikan pemantauan dan pengawasan terhadap perbuatannya.

يُدِيرُ الْأَمْرَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الْأَرْضِ ثُمَّ يَرْجُ إِلَيْهِ فِي يَوْمٍ كَانَ
مِقْدَارُهُ أَلْفَ سَنَةٍ مِمَّا تَعْدُونَ

Surah As-Sajdah 32:5

Maksudnya :

“Dia mengatur urusan dari langit ke bumi, kemudian (urusan) itu naik kepada-Nya ⁽³⁴⁾ dalam satu hari yang kadarnya (lamanya) adalah seribu tahun menurut perhitunganmu.”

Nota :

- (34) Maksud "urusan itu naik kepada-Nya" ialah: beritanya yang dibawa oleh malaikat. Ayat ini suatu tamsil bagi kebesaran Allah dan keagungan-Nya.

Kandungan ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT adalah pengatur alam. Keteraturan alam raya ini, merupakan bukti kebesaran Allah swt dalam mengelola alam ini. Namun, Allah SWT telah menciptakan manusia dan dijadikan sebagai khalifah di bumi, maka dia harus mengatur dan mengelola bumi dengan sebaik-baiknya sebagaimana Allah mengatur alam raya ini.

Firman-Nya dalam Al-Qur'an:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا آتُقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدِير
وَآتُقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝

Surah Al-Hashr 59:18

Maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Ajaran Islam sangat menekankan bentuk pemantauan atau muhasabah terhadap diri terlebih dahulu sebelum melakukan pengawasan terhadap orang lain. Hal ini antara lain berdasarkan hadith Rasulullah Saw sebagai berikut:

"Periksalah dirimu sebelum memeriksa orang lain. Lihatlah terlebih dahulu atas kerjamu sebelum melihat kerja orang lain." (HR Tirmidzi: 2383).

Selain itu berdasarkan hadits yang diriwayatkan oleh Imam Thabrani bahwasanya Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah mencintai orang yang jika melakukan suatu pekerjaan, dilakukan secara itqan (tepat, terarah, dan tuntas)" (HR Thabrani).

Tujuan melakukan pemantauan, penilaian dan pembetulan adalah untuk mencegah seseorang jatuh terjerumus kepada sesuatu yang salah. Tujuan lainnya adalah agar kualiti kehidupan terus meningkat. Inilah yang dimaksudkan dengan **tausiyah**, dan bukan untuk menjatuhkan.

Firman Allah SWT yang maksudnya:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ،
وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ،

Surah Az-Zalzalah 99:7-8

Maksudnya :

“Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan) nya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahanan seberat zarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya pula.”

Firman Allah SWT lagi:

إِنَّ رَبَّكَ لِيَا لِمِرْصَادٍ

Surah Al-Fajr 89:14

Maksudnya :

“sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi.”

Allah SWT juga berfirman:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Surah Qaf 50:18

Maksudnya :

"Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada di dekatnya malaikat pengawas yang selalu hadir."

Dalam Surah Al-'Imran, Allah SWT berfirman:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

١٠٤

Surah Al-'Imran 3:104

Maksudnya :

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar;⁽³⁵⁾ mereka lah orang-orang yang beruntung."

Nota :

(35) "Ma'ruf"; segala perbuatan yang mendekatkan kita kepada Allah, sedangkan mungkar ialah segala perbuatan yang menjauhkan kita dari pada-Nya.

Diriwayatkan oleh Abdullah bin Dinor bahawa pada suatu hari dia berjalan dengan Khalifah Umar ibn al-Khattab dari Madinah ke Mekah. Ditengah perjalanan mereka berjumpa dengan seorang anak gembala, yang sedang turun dari tempat pengembalaan dengan kambing-kambingnya yang banyak. Khalifah ingin menguji sampai dimana anak gembala itu bersifat amanah. Antara keduanya terjadi pecakapan sebagai berikut;

- Umar : Wahai pengembala; juallah padaku seekor anak kambing dari ternakan ini.
- Gembala : Aku ini hanya seorang budak.
- Umar : Katakan sahaja nanti kepada tuanmu, anak kambing itu telah dimakan serigala.
- Gembala : Kalau begitu, dimana Allah?

Sememangnya dalam kehidupan ini, perbezaan pendapat dan mempunyai pandangan yang berlainan adalah sesuatu perkara yang lumrah justeru apabila ia berlaku jangan sesekali ada di antara kita dengan **mudah membuat kesimpulan yang menjurus kepada prasangka** kononnya ia bertujuan memburukkan sesiapa.

Allah SWT telah mengingatkan kita dalam **Surah Yunus ayat 36** dengan menegaskan,

وَمَا يَبْيَغُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا اظْنَانًا إِنَّ الظَّنَنَ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ مِمَّا يَفْعَلُونَ

٣٦

Surah Yunus 10:36

Maksudnya :

“Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali persangkaan saja. Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran⁽³⁶⁾. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan.”

Nota:

(36) Sesuatu yang diperoleh dengan persangkaan sama sekali tidak bisa menggantikan sesuatu yang diperoleh dengan keyakinan.

Oleh itu jika tercetus sesuatu isu antara kita dan terwujudnya perbezaan pendapat atau terbentuk sesuatu teguran ia seharusnya ditangani dengan sebijak-bijaknya. Janganlah kita terlalu gopoh ke hadapan dengan membuat andaian yang bukan-bukan atau berhujah dengan penuh emosi sehingga terwujud cabar-mencabar.

Sebaliknya teguran atau sesuatu pandangan itu perlu diteliti dan dihalusi serta dikaji kebenarannya. Ini kerana **perbuatan menegur orang yang melakukan kesalahan merupakan tindakan yang amat diperintah oleh Allah SWT.**

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ
بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

١٢٥

Surah An-Nahl 16:125

Maksudnya :

"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah⁽³⁷⁾ dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk."

Nota:

(37) Hikmah: ialah perkataan yang tegas dan benar yang dapat membedakan antara yang hak dengan yang bathil.

Daripada Abu Said al Khudri r.a. katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa di kalangan kamu yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya sekiranya dia tidak mampu hendaklah dia menegah dengan lidahnya, sekiranya dia tidak mampu dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman". (**Hadis Sahih Riwayat Muslim**)

Maksud **mencegah kemungkaran dengan tangan** ialah:

1. Mengubah dengan kuasa yang ada pada seseorang mengikut kemampuannya dan bidang kuasa masing-masing; dan
2. Setiap orang hendaklah mencegah kemungkaran yang berlaku di kalangan ahli atau orang dibawah tanggungjawabnya

Contohnya:

1. Bapa cegah kemungkaran keluarganya;
2. Guru cegah kemungkaran murid-muridnya; dan
3. Ketua negara cegah kemungkaran rakyatnya

Sabda Rasullah SAW yang bermaksud:

“Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang dibawah pimpinannya”. (**Hadis Sahih Riwayat Bukhari**)

Maksud **mencegah kemungkaran dengan lidah**, ialah:

1. Memberi nasihat dan bimbingan yang baik; dan
2. Setiap orang hendaklah mencegah kemungkaran yang berlaku dikalangan ahli atau orang dibawah tanggungjawabnya

Jika kita meninggalkan kedua-duanya, maka Allah akan menjadikan orang-orang yang jahat sebagai pemimpin kita. Ketika itu juga doa-doa dikalangan kita juga tidak lagi mustajab.

Maksud **mencegah kemungkaran dengan hati** ialah: membenci kemungkaran dan menjauhkannya dan ia adalah tanda selemah-lemah iman.

Kesannya:

1. Kemungkaran hanya tidak berlaku pada dirinya sahaja; dan
2. Kemungkaran tidak akan hilang atau berkurangan

Pengajaran Hadis:

1. Mencegah kemungkaran adalah kewajipan setiap muslimin;
2. Individu yang berilmu dan berkemahiran memberikan nasihat dan bimbingan;
3. Membenci kemungkaran dengan hati adalah selemah-lemah iman; dan
4. Mencegah kemungkaran adalah faktor utama untuk mengekalkan tamadun yang berdasarkan keimanan

PRINSIP AL-HISBAH

Dalam Islam, kewajipan yang telah diamanahkan kepada semua manusia adalah dikenali sebagai “hisbah”. Apakah yang dimaksudkan dengan hisbah? Hisbah adalah menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran serta membetulkan manusia (*amar ma’ruf wa nahy munkar, wa islah bayna an-nas*).

Menurut ibnu Qayyim, hisbah bermaksud memutuskan sesuatu perkara tanpa dakwaan kerana jika berdasarkan dakwaan maka ia termasuklah dalam bidang kuasa hakim, bukan kuasa "muhtasib". pengertian tersebut memperjelas bahawa batasan tanggungjawab tersebut meliputi masalah perseorangan, kelompok dan masalah masyarakat serta negara. Siti Zalikhah Md Noor (2002). Allah SWT berfirman:

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

104

Surah Al-'Imran 3:104

Maksudnya :

"Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar;⁽³⁸⁾ merekalah orang-orang yang beruntung."

Nota:

(38) "Ma'ruf"; segala perbuatan yang mendekatkan kita kepada Allah, sedangkan mungkar ialah segala perbuatan yang menjauhkan kita dari pada-Nya.

AL-HISBAH DAN KONSEP DALAM KAUNSELING

Menurut Imam al-Ghazali, al-hisbah terdiri daripada beberapa rukun. Sepertimana dalam solat terdapat rukun solat, didalam hisbah juga terdapat rukun yang dapat disama gandingkan didalam konsep kaunseling. Rukun tersebut adalah seperti di bawah:

- (i) Muhtasib (Kaunselor);
- (ii) Muhtasab 'alaih (Klien);
- (iii) Muhtasab Fih (Masalah yang dihadapi klien); dan
- (iv) Al-Ihtisaab (perubahan).

CIRI-CIRI PANEL AUDIT

Terdapat banyak pihak yang tidak boleh ditegur biar pun apa yang dinyatakan oleh seseorang itu mempunyai kebenarannya. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mengingatkan bahawa sesuatu kebenaran itu perlu dinyatakan biarpun pahit dan perlu mencegah kemungkaran daripada berlaku.

Islam telah menggariskan dalam membuat teguran, kita haruslah berhati-hati apatah lagi jika kita cuba bertindak **sebagai 'orang perantaraan'** bagi menjelaskan sesuatu perkara. Tiga faktor yang digariskan oleh Islam boleh menjayakan sesuatu teguran itu ialah:

- (i) tidak merendahkan ego orang yang ditegur;
- (ii) mencari waktu yang tepat; dan
- (iii) memahami kedudukan orang yang ditegur

Hakikatnya, Islam memberi panduan yang jelas dalam kita memberi teguran dan bagaimana sikap kita apabila ditegur. Kita tidak harus melatah apatah lagi terlalu emosional sehingga menyebabkan kita melafazkan kata-kata yang tidak sepatutnya. Semua itu tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya hanya akan mengeruhkan lagi keadaan, tidak kira sama ada kita pemimpin atau tidak tetapi apa yang kita perkatakan pasti akan dinilai oleh manusia dan diperhitungkan oleh Allah. Kegagalan untuk mengawal perasaan kita berhujah akan menyebabkan berlaku tuduh-menuduh yang kesudahannya akan mencetus permusuhan antara kita.

Tindakan ini sudah tentulah bertentangan dengan firman Allah dalam surah Al-'Imran ayat 103 yang mengingatkan:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نُعَمَّتَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ يُنْعَمَّتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَاعَ حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَانْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيَّتِيهِ لَعَلَّكُمْ تَهَدُونَ

١٠٣

Surah Al-'Imran 3:103

Maksudnya :

“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan ni’mat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena ni’mat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.”

Hakikatnya, Islam tidak hanya **mengajar etika menegur umat seagama** tetapi Islam juga mengajar kita bagaimana cara menegur yang betul kepada **umat daripada agama lain**, tidak **kita seburuk apa pun kesalahannya**. Ia terkandung dalam al-Quran melalui perintah Allah SWT kepada Nabi Musa as dan Nabi Harun as untuk berkata lembut kepada Firaun seperti mana firman-Nya dalam **Surah Thaha ayat 44**:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لِّتَنَا لَعَلَهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Surah Tha-ha 20:44

Maksudnya :

“maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut.”

Jika dengan Firaun pun Allah perintahkan para nabi **bercakap dengan lemah lembut**, apakah lagi kita sesama Islam. Ertinya Allah SWT tidak suka jika kita **bercakap atau berhujah mengikut perasaan semata-mata**.

Rasulullah SAW bersabda, marhumnya:

“Percakapan orang yang berakal muncul dari balik hati nuraninya. Maka ketika hendak berbicara, terlebih dahulu ia kembali pada nuraninya. Apabila ada manfaat baginya, dia harus bercakap dan apabila ia boleh mendatangkan keburukan, maka dia hendaklah tidak melafazkannya. Sesungguhnya hati orang yang bodoh berada di mulut, ia berbicara sesuai apa sahaja yang dia mahukan”.

Seperkara lagi dalam kita berhujah atau mempertahankan sesuatu elakkan daripada memalsukan fakta apatah lagi membuat pujian yang bukan-bukan kepada seseorang ini. Ia disebabkan pujian yang melampau itu adalah bencana lidah (min afat al lisan) yang sangat berbahaya.

Dalam buku **Ihya 'Ulum al-Din**, **Imam Ghazali** menyatakan enam bahaya (keburukan) yang mungkin timbul daripada budaya memuji tersebut iaitu empat keburukan kembali kepada orang yang memberikan pujian dan dua keburukan lainnya kembali kepada orang yang dipuji. Bagi pihak yang memuji, keburukan yang akan diperoleh ialah melakukan pujian secara berlebihan sehingga menjerumus ke dalam dusta, dia memuji dengan berpura-pura menunjukkan rasa cinta dan simpati yang tinggi sedangkan dalam hatinya adalah sebaliknya, ia menyatakan sesuatu yang tidak disokong oleh fakta sebaliknya pembohongan semata-mata dan dia telah menggembirakan orang yang dipuji padahal orang itu melakukan kesalahan.

Ini kerana setiap apa yang diperkatakan akan diperhitungkan di akhirat kelak apatah lagi jika ia berkaitan dengan soal kebenaran dan kebatilan.

Justeru jadikanlah firman Allah SWT dalam Surah Ali-Imran ayat 104 dan 105 sebagai pegangan, maksudnya;

وَلْتَكُن مِّنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ 104
وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَأَخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ
وَأُولَئِكَ هُمُ عَذَابٌ عَظِيمٌ 105

Surah Al-'Imran 3:104 – 105

Maksudnya :

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar;⁽³⁹⁾ merekalah orang-orang yang beruntung. Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat,”

Nota:

(39) "Ma'ruf"; segala perbuatan yang mendekatkan kita kepada Allah, sedangkan mungkar ialah segala perbuatan yang menjauhkan kita dari pada-Nya.

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَآفَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُذْرِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

١٢٦

Surah At-Tawbah 9:122

Maksudnya :

“Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mu’mín itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”

Hadis riwayat Bukhari no. 21 di dalam bab “Tekun(Terus) mencari ilmu dan hikmah”

٢١ - وَقَالَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: تَفَقَّهُوا قَبْلَ أَنْ تُسَوِّدُوا. وَقَدْ تَعْلَمَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ ﷺ فِي كَثِيرٍ سِنُّهُمْ.

Dari Umar RA berkata “Pahamilah ilmu agama sebelum kalian diangkat menjadi pemimpin.” Para sahabat nabi tetap menuntut ilmu walau sudah lanjut usia.

Ringkasan Sahih Bukhari Jilid 1, ms. 66, Karangan Muhammad Nashiruddin Al Albani, Terbitan Pustaka Azzam Jakarta Selatan.

Hadis riwayat Bukhari no. 23 di dalam bab “Mengetahui Sebelum Berkata dan Berbuat Berdasarkan Firman Allah Maka Ketahuilah Bahawa Sesungguhnya Tidak ada Tuhan yang Berhak Disembah Selain Allah”

٤٣ - وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْحَيَاةِ.
 وَقَالَ جَلَّ ذِكْرُهُ: (إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ)، وَقَالَ: (وَمَا يَعْقِلُهَا
 إِلَّا الْعَالَمُونَ)، (وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعْيِ)،
 وَقَالَ: (هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ).

Barangsiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu (agama), maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke Surga.

Allah SWT berfirman,

وَمِنْ النَّاسِ وَالدَّوَابِ وَالْأَنْعَمْ مُخْتَلِفُ الْوَنْدُهُ كَذَلِكَ
 إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

٢٨

Surah Fatir 35:28


Maksudnya :

"Dan demikian (pula) di antara manusia, binatang-binatang melata dan binatang-binatang ternak ada yang bermacam-macam warnanya (dan jenisnya). Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hamba-Nya, hanyalah ulama ⁽¹⁴⁾. Sesungguhnya Allah Maha perkasa lagi Maha Pengampun."

Nota:

- (4) Yang dimaksud dengan ulama dalam ayat ini ialah orang-orang yang mengetahui kebesaran dan kekuasaan Allah.

وَتِلْكَ الْأَمْثَالُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ وَمَا يَعْقِلُهَا إِلَّا



Surah Al-Ankabut 29:43

Maksudnya :

"Dan perumpamaan-perumpamaan ini Kami buatkan untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu."

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا سَمِعْ أَوْ نَعْقِلُ مَا كَانَ فِي أَصْحَابِ السَّعِيرِ

١٠

Surah Al-Mulk 67:10

Maksudnya :

"Dan mereka berkata: "Sekiranya kami mendengarkan atau memikirkan (peringatan itu) niscaya tidaklah kami termasuk penghuni-penghuni neraka yang menyala-nyala"."

أَمْنٌ هُوَ قَدِنْتُ إِنَّا إِلَيْلٌ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةً

رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَذَّكَّرُ أُولُو ا

الْأَلْبَابِ

Surah Az-Zummar 39:9

Maksudnya :

"(Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan? Katakanlah: "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran."

Ringkasan Sahih Bukhari Jilid 1, ms. 61, Karangan Muhammad Nashiruddin Al Albani, Terbitan Pustaka Azzam Jakarta Selatan.

Para ulama bersepakat bahwa mencari ilmu itu wajib bagi setiap Muslim dan Muslimah, ada yang fardhu 'ain dan ada yang fardhu kifayah. Fardhu 'ain adalah ilmu yang menjadi keharusan untuk memahami agamanya, baik aqidah, ibadah atau perilaku (akhlaq) dan juga amal duniaawi, sehingga cukup untuk dirinya dan keluarganya dan ikut andil dalam mencukupi umatnya. Adapun yang fardhu kifayah adalah ilmu yang mendukung tegaknya agama dan dunia bagi jamaah Muslimah (kaum Muslimin) yaitu ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu dunia.

RUJUKAN 7 : TELITI

Islam menuntut agar sesuatu kerja itu dilaksanakan dengan baik dan teratur sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata`ala dalam Surah ash-Shaff, ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الظَّالِمِينَ
يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوكُمْ بُنْيَنٌ
 مرصدوص

Surah Ash-Shaff 61:4

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh.”

Allah Subhanahu Wata`ala dalam Surah al-Taubah, ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَوةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْلَئِكَ سَيِّدُهُمُ
 اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Surah At-Taubah 9:71

Maksudnya :

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma’ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka ta’at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بَنَباً فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهَلٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ ۖ

Al-Hujurat 49:6

Maksudnya :

“Hai orang-orang yang beriman, jika dating kepadamu orang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti, agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu.”

Islam juga menuntut agar sesuatu kerja itu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Rasulullah *sallallahu alaihi wassallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمُ الْعَمَلَ أَنْ يُتْقِنَهُ

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah menyukai salah seorang daripada kamu apabila melakukan sesuatu kerja dia bersungguh-sungguh” (Riwayat al-Baihaqi)

Berkata Saidina Ali *radiallahu`anhu*:

الْحَقُّ بِلَا نِظَامٍ يَغْلِبُهُ الْبَاطِلُ بِنِظَامٍ

Maksudnya :

“Kebenaran yang tidak dikendalikan dengan baik akan dikalahkan dengan kebatilan yang dikendalikan dengan

Berkata Saiyidatina ‘Aisyah *radiallahu`anhu*:

Maksudnya :

“Sesungguhnya Allah menyukai salah seorang kamu apabila dia melakukan suatu pekerjaan dilaksanakannya dengan baik, sempurna dan kemas.”

(Hadith Riwayat Baihaqi)

RUJUKAN 8 : MEMBERI HAK KEPADA YANG BERHAK

وَيَقُولُ أَوْفُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ وَلَا تَبْخَسُوا
النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

٨٥

Surah Hud 11:85

Maksudnya :

"Dan Syu'aib berkata: "Hai kaumku, cukupkanlah takaran dan timbangan dengan adil, dan janganlah kamu merugikan manusia terhadap hak-hak mereka dan janganlah kamu membuat kejahanan di muka bumi dengan membuat kerusakan."

١١٧ - عَنْ أَبْنِ شَهَابٍ أَنَّ سَالِمًا أَخْبَرَهُ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: الْمُسْلِمُ أَخْرُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَحْيِهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Dari Abdullah bin Umar RA, bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Seorang muslim adalah saudara muslim lain; ia tidak menzhaliminya, tidak membiarkannya. Barangsiapa memenuhi kebutuhan saudaranya; maka Allah akan memenuhi kebutuhannya. Barangsiapa menghilangkan kesusahan seorang muslim, Allah akan menghilangkan kesusahannya di hari kiamat. Dan, Barangsiapa menutupi (aib) seorang muslim, maka Allah akan menutupi (aib)nya di hari kiamat."

Ringkasan Sahih Bukhari Jilid 3, ms. 252, Karangan Muhammad Nashiruddin Al Albani, Terbitan Pustaka Azzam Jakarta Selatan.

RUJUKAN 9 : KETETAPAN MENENTUKAN KRITERIA DAN SYARAT

Islam menggunakan kriteria-kriteria tertentu bagi menetapkan asas penting dalam sesuatu perkara seperti dalam proses pemilihan pemimpin dan mencari jodoh. Islam sendiri sudah memberikan petunjuk yg jelas mengenai bagaimana mencari dan memilih pemimpin, baik melalui ayat-ayat di Al Qur'an mahupun hadith-hadith dari Rasulullah SAW.

PERTAMA, BERAGAMA ISLAM.

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ أَوْلَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ
ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنْ أَنَّ اللَّهَ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَقَوَّمُهُمْ تُقْنَةً
وَيُحَذِّرُكُمُ اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

٢٨

Surah Al-'Imran 3:28

Maksudnya :

"Janganlah orang-orang mu'min mengambil orang-orang kafir menjadi wali⁽⁵³⁾ dengan meninggalkan orang-orang mu'min. Barangsiapa berbuat demikian, niscaya lepaslah ia dari pertolongan Allah kecuali karena (siasat) memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap diri (siksa)-Nya. Dan hanya kepada Allah kembali (mu)."

Nota :

(53) Wali jamaknya auliyyaa; bererti teman yang akrab, juga bererti pemimpin, pelindung atau penolong.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَنْهَاكُوا أَلْكَافِرِينَ أَوْ لِيَاءَ مِنْ دُونِ
 ١٤٤ أَلْمُؤْمِنِينَ أَتُرِيدُونَ أَنْ يَجْعَلُوا اللَّهَ عَلَيْكُمْ سُلْطَانًا مُّبِينًا

Surah An-Nisa 4:144

Maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi wali⁽⁵⁴⁾ dengan meninggalkan orang-orang mu'min. Inginkah kamu mengadakan alasan yang nyata bagi Allah (untuk menyiksamu)?"

Nota :

(54) Wali jamaknya auliyyaa; bererti teman yang akrab, juga bererti pemimpin, pelindung atau penolong.

KEDUA, LAKI-LAKI

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ
 وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّدِيقَاتُ قَنِيتُ
 حَفِظَاتٌ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ
 فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ
 أَطْعَنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَكِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْهَا

كَبِيرًا ٣٤

Surah An-Nisa' 4:34

Maksudnya :

“Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh, ialah yang ta’at kepada Allah lagi memelihara diri⁽⁵⁵⁾ ketika suaminya tidak ada, oleh karena Allah telah memelihara (mereka)⁽⁵⁶⁾. Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya⁽⁵⁷⁾, maka nasehatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka menta’atimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya⁽⁵⁸⁾. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.”

Nota :

- (55) Maksudnya: tidak berlaku curang serta memelihara rahasia dan harta suaminya.
- (56) Maksudnya: Allah telah mewajibkan kepada suami untuk mempergauli isterinya dengan baik.
- (57) Nusyuz: yaitu meninggalkan kewajiban bersuami isteri. Nusyuz dari pihak isteri seperti meninggalkan rumah tanpa izin suaminya.
- (58) Maksudnya: untuk memberi pelajaran kepada isteri yang dikhawatirkan pembangkangannya haruslah mula-mula diberi nasehat, bila nasehat itu tidak bermanfa’at barulah dipisahkan dari tempat tidur mereka, bila tidak bermanfa’at juga barulah dibolehkan memukul mereka dengan pukulan yang tidak meninggalkan bekas. Bila cara pertama telah ada manfa’atnya janganlah dijalankan cara yang lain dan seterusnya.

Rasulullah SAW juga pernah bersabda:

“Tidak akan beruntung suatu kaum yang mengangkat seorang wanita sebagai pemimpinnya.”
(HR. Bukhari)

KETIGA, DEWASA (BALIGH)

Baligh di sini terutama mampu berpikir dengan baik serta mampu membezakan benar dan salah.

Allah SWT berfirman:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيمًا وَأَرْزُقُوهُمْ فِيهَا
وَأَكْسُوْهُمْ وَقُولُوا هُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

٥

Surah An-Nisa' 4:5

Maksudnya :

"Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya⁽⁵⁹⁾, harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik."

Nota :

(59) Orang yang belum sempurna akalnya ialah anak yatim yang belum balig atau orang dewasa yang tidak dapat mengatur harta bendanya.

KEEMPAT, ADIL

Pengertian adil di sini adalah adil secara umum, tidak berat sebelah memihak salah satu golongan, terutama kelompok yg berkaitan dengan dirinya atau menguntungkan dirinya.

يَدَاوُدِ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعْ
الْهَوَى فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضْلُلُونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ
عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ

٦٦

Surah Sad 38:26

Maksudnya :

"Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, karena ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, karena mereka merupakan hari perhitungan."

KELIMA, AMANAH DAN BERLAKU PROFESIONAL SERTA MEMPUNYAI ILMU/ PENGETAHUAN DI BIDANGNYA

Dengan berlaku amanah dan mempunyai pengetahuan di bidangnya, maka seorang pemimpin akan dipercaya dan bisa dengan mudah memecahkan persoalan2 yg timbul.



قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَرَائِينَ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِظُ عَلَيْمٌ

Surah Yusuf 12:55

Maksudnya :

"Berkata Yusuf: "Jadikanlah aku bendaharawan negara (Mesir); sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga, lagi berpengetahuan. ""

Kita juga sering mendengar hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Apabila suatu urusan dipercayakan kepada seseorang yang bukan ahlinya, maka tunggulah waktu kehancurannya." (Hadith Riwayat Bukhari)

KEENAM, SIHAT TUBUH BADAN DAN MENTAL

Seorang pemimpin seringkali dituntut bekerja keras mengenal waktu serta banyak mendapat tantangan dan serangan dari pihak lawan:

“Dari Abu Dzar berkata, saya bertanya kepada Rasululloh SAW, mengapa engkau tidak meminta saya memegang sebuah jabatan?; Abu Dzar berkata lagi, lalu Rasululloh SAW menepuk punggung saya dengan tangannya seraya berkata; Wahai Abu Dzar, sesungguhnya kamu seorang yang lemah. Padahal, jabatan itu sesungguhnya adalah amanat (yang berat untuk ditunaikan)” (Hadith Riwayat Muslim).

Dalil-dalil seperti ini merujuk kepada pentingnya penetapan kriteria-kriteria tertentu supaya dapat membantu kita membuat penilaian dan pemilihan dan ia bergantung kepada tujuan dan keperluan yang memberikan faedah dan kepentingan tertentu

أُمِرْتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهُدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، وَأَنْ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ ، وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ ، وَيَؤْتُوا الزَّكَاةَ ، فَإِذَا فَعَلُوْا ذَلِكَ ، عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ ، إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ ، وَحَسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى رَوَاهُ الْبَخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ.

Maksudnya :

“Aku diperintahkan untuk membunuh manusia melainkan mereka mengucap bahawa tiada Tuhan selain Allah, sesungguhnya Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, menunaikan solat, dan mengeluarkan zakat. Sekiranya mereka melakukan demikian, maka terselamatlah darah dan harta mereka melainkan dengan ketetapan agama Islam. Dan amalan mereka akan dihitung oleh Allah Taala.”

Hadith riwayat Bukhari dan Muslim.

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُّكُم بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا﴾

بَصِيرًا ٥٨

Surah An-Nisa' 4:58

Maksudnya :

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَاتِكُمْ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Surah Al-'Anfal 8:27

Maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui."

Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا كُونُوا أَقْوَمِينَ لِلَّهِ شَهِدَ آءَ بِالْقِسْطِ وَلَا
يَجْرِي مَنَّكُمْ شَنَاعٌ قَوْمٌ عَلَىٰ أَلَا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ
أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا
تَعْمَلُونَ



Surah Al-Maidah 5:8

Maksudnya :

"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) karena Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Menurut Abu Hurairah *radiallahu`anhu*: Rasulullah *sallallahu alaihi wassallam* bersabda:

إِذَا ضُيِّعَتِ الْأَمَانَةُ فَإِنْتَظِرِ السَّاعَةَ، قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ :
إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَىٰ غَيْرِ أَهْلِهِ فَإِنْتَظِرِ السَّاعَةَ

Maksudnya :

"Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kedatangan hari kiamat." Abu Hurairah bertanya: "Bagaimana mensia-siakan itu wahai Rasulullah! Baginda menjawab: "**Apabila suatu urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah datangnya hari kiamat.**" (Riwayat al-Bukhari)

Menurut tafsir Ibnu Katsir (*Tafsirul Qurani'l Azimi*, Jilid 4, 1421 H/2000 M:124-129), Allah SWT memerintahkan untuk menunaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, sebagaimana dalam riwayat Imam Ahmad dan dari sahabat Samrah ra., Rasulullah SAW bersabda, marhumnya, “*Tunaikanlah amanat kepada orang yang memberikan amanat padamu dan janganlah berkhianat terhadap orang yang mengkhianatimu.*”

Perintah ini meliputi seluruh amanah yang wajib dilaksanakan manusia dari hak-hak Allah SWT seperti solat, zakat, puasa, kifarat (penebusan dosa), nazar dan lain-lain. Amanat itu juga meliputi hak sesama manusia, seperti titipan-titipan dan sebagainya yang merupakan amanat sesama mereka tanpa ada bukti yang biasa ditunjukkan. Maka, Allah SWT memerintahkan untuk menunaikannya kepada yang berhak. Siapa sahaja yang tidak menunaikannya di dunia, maka ia akan dituntut di hari kiamat.

Ciri-Ciri pekerja yang bersifat amanah:

- (i) Menggunakan masa sewaktu di pejabat dengan sebaiknya-baiknya;
- (ii) Membelanjakan harta awam mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan;
- (iii) Tidak melakukan penipuan, penyelewengan dan rasuah; dan
- (iv) Menyiapkan verja dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kepentingan sifat amanah bagi seorang penjawat awam:

- (i) Menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya;
- (ii) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan;
- (iii) Menghindarkan dengan rela hati kepentingan diri dari mengatasi kepentingan tugas;
- (iv) Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja; dan
- (v) Mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan.

RUJUKAN 11 : KAUNSELING

وَالْعَصْرُ ۚ ۱۝ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي خُسْرٍ ۗ ۲۝ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ وَتَوَاصَوْا
بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّابَرِ ۳

Surah al asr 1-3

Maksudnya:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh serta saling menasihati dengan kebenaran dan saling menasihati untuk kesabaran.

Fatimah binti Qais melaporkan bahawa dirinya pernah dicerai dengan talak tiga oleh bekas suaminya. Nabi Muhammad menerangkan kepadanya bahawa dia tidak berhak menerima tempat tinggal dan belanja hidup dari bekas suaminya itu. Nabi Muhammad berkata kepadanya, “Apabila cikpuan sudah tamat tempoh iddah, beritahu saya.” Lalu apabila tempoh iddahnya sudah tamat, Fatimah pun memaklumkan perkara itu kepada Nabi Muhammad. Kemudian daripada itu ada tiga orang lelaki meminang dirinya, iaitu Muawiyah, Abu Jaham, dan Usamah bin Zaid. Nabi Muhammad berkata kepadanya, “Muawiyah itu miskin, sedangkan Abu Jaham suka memukul isterinya, sebaiknya cikpuan terima Usamah sahaja.” Hati Fatimah tidak setuju dengan nasihat Nabi Muhammad. Sambil dia memulas-mulas tangannya, dia berkata, “Usamah?” Kemudian Nabi Muhammad berkata, “Taat kepada Allah dan Rasulnya adalah lebih baik bagi cikpuan.” Lalu Fatimah pun bernikah dengan Usamah. Menurutnya, selepas itu dia mengecapi kebahagiaan dalam perkahwinannya dengan Usamah.

Hadith No. 862 dalam kitab *Ringkasan Sahih Muslim*

Hadith ini adalah hadith yang paling jelas menunjukkan prinsip-prinsip dan teknik-teknik kaunseling yang Nabi Muhammad gunakan bagi membantu perempuan yang mengalami tekanan perceraian.

Dalam peristiwa di atas Nabi Muhammad tidak melakukan perkara-perkara seperti di bawah:

- a) Nabi Muhammad tidak memanggil bekas suami Fatimah bt Qais bagi disiasat faktor yang menyebabkan dia menceraikan isterinya dengan talak tiga.
- b) Nabi Muhammad tidak memanggil saksi-saksi bagi mengesahkan apakah benar Fatimah diceraikan dengan talak tiga.
- c) Nabi Muhammad tidak mengucapkan kata-kata simpati kepada Fatimah.
- d) Nabi Muhammad tidak menyalahkan bekas suami Fatimah.
- e) Nabi Muhammad tidak menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan Fatimah diceraikan dengan talak tiga oleh bekas suaminya.
- f) Nabi Muhammad tidak menyalahkan Fatimah.
- g) Nabi Muhammad tidak menasihati Fatimah supaya redha dengan dugaan Allah.
- h) Nabi Muhammad tidak menasihati Fatimah supaya banyakkan bersabar.
- i) Nabi Muhammad tidak menyuruh Fatimah supaya dia menenangkan fikirannya, membanyakkan solat dan berdoa mohon bantuan Allah bagi menyelesaikan kesukaran yang sedang dialaminya.
- j) Nabi Muhammad tidak membantu Fatimah berfikir, dengan mengemukakan soalan-soalan yang Fatimah perlu fikirkan.
- k) Nabi Muhammad tidak menyuruh Fatimah supaya buat keputusan sendiri.

Dalam peristiwa itu Nabi Muhammad memberitahu Fatimah, sebagai isteri yang dicerai dengan talak tiga dia tidak berhak diberi tempat tinggal dan belanja hidup oleh bekas suaminya. Di sini Nabi Muhammad menerangkan kepada Fatimah hukum yang berlaku ke atas perempuan yang dicerai talak tiga. Akal logik kita sukar menerima hal ini kerana Fatimah baru dicerai talak tiga, tetapi Nabi Muhammad bukan menghiburkan perempuan itu, sebaliknya memberitahu maklumat yang sangat 'mengejutkan' itu, di mana dengan hukum itu maka Fatimah mesti keluar dari rumah suaminya sehelai sepinggang.

Kemudian Nabi Muhammad berkata lagi kepada Fatimah, "*Apabila cik puan sudah tamat tempoh iddah, beritahu saya.*" Kata-kata Nabi Muhammad itu semacam memberi tanda-tanda beliau akan membantu Fatimah. Apabila tempoh iddah Fatimah tamat, dia memberitahukan hal itu kepada Nabi Muhammad. Berikutnya itu, tiga orang lelaki melamar Fatimah, iaitu Muawiyah, Abu Jaham, dan Usamah bin Zaid. Perkara itu dimaklumkan kepada Nabi Muhammad.

Nabi Muhammad berkata kepada Fatimah: “*Muawiyah itu miskin, sedangkan Abu Jaham suka memukul isterinya, sebaiknya cikpuan terima Usamah sahaja.*” Di sini, Nabi Muhammad masuk campur dalam urusan Fatimah, di mana beliau cuba mempengaruhi pilihan Fatimah terhadap 3 lelaki yang melamarnya. (Dalam prosedur kaunseling Barat kaunselor tidak boleh masuk campur dalam proses membuat keputusan oleh kaunselee.) Nabi Muhammad menekan Fatimah supaya memilih Usamah walaupun hati Fatimah tidak setuju. Kata-kata tekanan itu adalah: “*Taat kepada Allah dan Rasulnya adalah lebih baik bagi cikpuan.*” Fatimah akhirnya menerima Usamah. Terbukti kemudian apabila dia mengaku bahawa dia sangat bahagia berkahwin dengan Usamah.

RUJUKAN 12 : MEMBUAT PERANCANGAN

Hakikatnya urusan fardhu kifayah lebih melebar dan sentiasa berkembang **selari dengan keperluan hidup manusia**. Jelasnya segala kemajuan yang dicapai oleh umat lain yang **selari dengan hukum syarak** menjadi **fardhu kifayah ke atas umat Islam menguasainya**. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan ialah untuk membebaskan pergantungan umat Islam kepada orang lain, seterusnya penguasaan mereka. Menjadi umat yang terjajah adalah suatu musibah besar kepada umat Islam era globalisasi hari ini.

Antara beberapa amalan fardhu kifayah dari sejarah Islam seperti:

PEMBINAAN MASJID NABAWI

Tindakan pertama yang diambil oleh baginda Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja berhijrah ke Madinah al-Munawwarah ialah membina masjid yang selain berfungsi sebagai pusat ibadat kepada umat Islam, ia juga merupakan pusat pentadbiran, markas ketenteraan, gedung ilmu pengetahuan, sumber bantuan dan pertolongan, tempat perlindungan dan pusat kegiatan masyarakat dan dakwah yang menghubungkan manusia dengan manusia dan manusia dengan Allah.

PIAGAM MADINAH

Piagam ini diadakan bagi mengatur kehidupan dan hubungan antara komuniti-komuniti yang merupakan komponen-komponen masyarakat majmuk di Madinah. Piagam ini merangkumi aspek sosial, ekonomi, politik dan keamanan masyarakat majmuk pada waktu itu dan dimartabatkan oleh para pemimpin dan pakar ilmu politik Islam sebagai konstitusi atau undang-undang dasar bagi negara Islam pertama yang didirikan oleh Nabi Muhammad SAW di Madinah.

PRINSIP PERANCANGAN

Al-Quran telah merakamkan **kisah perancangan nabi Yusuf a.s** yang membuat perancangan dalam menghadapi masalah ekonomi yang melanda Mesir pada zaman itu. Nabi Yusuf membahagikan kepada dua fasa iaitu 7 tahun pertama merupakan fasa kemelesetan ekonomi dan 7 tahun kedua merupakan fasa makmur. Firman Allah SWT:

شُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٍ يَا كُلُّ مَا قَدَّمْتُمْ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا

تُحْصِنُونَ

٤٨

شُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ عَامٌ فِيهِ يُغَاثُ النَّاسُ وَفِيهِ يَعْصِرُونَ

٤٩

Surah Yusuf 12:48-49

Maksudnya :

"Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan. Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan di masa itu mereka memeras anggur."

Oleh itu, kita perlulah membuat perancangan dengan membeli barang buatan tempatan, meningkatkan tabungan, elakkan membeli barang yang tidak perlu, jimatkan tenaga elektrik, air dan petrol.

PELAKSANAAN

Allah SWT telah menegaskan dalam firman-Nya:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدِيهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءً أَفَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰٰ

١١

Surah Ar-Ra'd 13:11

Maksudnya :

“Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah⁽³¹⁾ Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan⁽³²⁾ yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia.”

Nota:

- (31) Bagi tiap-tiap manusia ada beberapa malaikat yang tetap menjaganya secara bergiliran dan ada pula beberapa malaikat yang mencatat amalan-amalannya. Dan yang dikehendaki dalam ayat ini ialah malaikat yang menjaga secara bergiliran itu, disebut malaikat Hafazhah.
- (32) Tuhan tidak akan merubah keadaan mereka, selama mereka tidak merubah sebab-sebab kemunduran mereka.

Apapun sikap kita, mentadbir dunia bukanlah merupakan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan **kebijaksanaan dan kecekapan serta kecepatan bertindak** dan **terserah kepada kita sendiri** dengan panduan syariat Allah SWT kerana Rasulullah SAW pernah bersabda kepada sahabat baginda yang bermaksud:

“Kamu lebih tahu dengan urusan dunia kamu”.

PANDANGAN ULAMA’

Menurut **Ibn Khaldun** manusia tidak dapat hidup sendirian sebaliknya memerlukan kepada satu organisasi kemasyarakatan di mana mereka dapat bekerjasama dalam menjalani kehidupan. Sebagai contoh, manusia memerlukan makanan untuk hidup dan makanan tersebut tidak dapat dihasilkan tanpa melalui beberapa proses yang **melibatkan pengembangan tenaga kerja sesama manusia dan alat-alat tertentu**. Oleh yang demikian memiliki kemahiran di dalam hal tersebut bagi memenuhi keperluan masyarakat juga termasuk dalam **tuntutan fardhu kifayah**.

